



● BIL 292 ● 13 - 19 DISEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



Gemilang 2 TAHUN MADANI

>> 2-3

DBKL urus sepenuhnya
Bazar Ramadan,
Aidilfitri 2025

>> 6

Klik & Ketagih
>> 9-11

RM2.5 juta bina
pusat penjaja
>> 21

Dua tahun Kerajaan MADANI

TIADA KONFLIK SERIUS

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

TIADA konflik yang serius serta berjaya mengendurkan pertembungan politik dalam negara merupakan antara kejayaan Kerajaan Perpaduan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas mengenainya, Penganalisis Keselamatan dan Politik, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin menyifatkan dua tahun di bawah Kerajaan Perpaduan berjaya menggilap kesepakatan sekali gus mengawal suhu politik.

"Antara perubahan positif adalah politik negara yang stabil dan tidak ada satu pertembungan politik yang melihat kepada wujudnya satu perkara atau keadaan yang boleh membahayakan kedudukan politik negara."

"Negara juga lebih stabil menyebabkan perancangan melonjakkan ekonomi dan sosial di landasan yang betul," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menjelas lanjut, perubahan positif yang dapat dirasai semua pihak melibatkan faktor ekonomi di mana nilai ringgit dilihat mula berubah selain faktor pelaburan luar dan keyakinan masyarakat luar negara kepada Malaysia.

"Keyakinan ini dizahirkan khususnya komuniti perniagaan antarabangsa yang melihat Malaysia sebagai



NOOR NIRWANDY



MALAYSIA sebuah negara kuasa pertengahan kedua yang mula mendapatkan pelaburan luar negara.

sebuah negara ASEAN yang stabil dan negara kuasa pertengahan kedua yang mula mendapatkan pelaburan luar negara, jaringan diplomasi dan dikenali di rantau ini," katanya.

Ujar beliau, elemen diplomasi awam adalah pencapaian terbaik apabila Anwar mendapat liputan yang baik hasil daripada kerja keras dan usaha untuk membawa isu-isu kemanusiaan khususnya Palestin dan isu-isu kepentingan kemanusiaan di seluruh dunia.

"Perkara-perkara

lain termasuklah isu keselamatan masyarakat seperti penambahbaikan elemen-elemen keselamatan, dalam bentuk komunikasi keselamatan, keselamatan persekitaran mahupun keselamatan pekerjaan.

"Ia juga dilihat sebagai salah satu pengkhususan dalam perancangan-perancangan elemen berteraskan kepentingan negara malah antara perkara-perkara yang boleh dibanggakan adalah kepentingan kepada kestabilan yang lain meliputi kejayaan menyediakan sumber makanan yang terjamin dan mencukupi selain berjaya memastikan harga barang stabil.

"Malah tidak berlaku satu isu yang menjelaskan

penawaran makanan yang baik dan sihat kepada masyarakat berbanding masalah dahulu yang telah berlanjut selama ini khususnya melibatkan krisis makanan yang telah berjaya diselesaikan," katanya.

Beliau berkata antara aspek positif lain adalah Kerajaan Perpaduan mengambil inisiatif untuk menambah baik pentadbiran awam yang manfaatnya akan dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

"Kita dapat lihat kepimpinan negara telah berjaya mewujudkan keadaan untuk penjawat awam memperoleh prestasi yang lebih efisien malah Perdana Menteri turut memperkenalkan skim-skim berdaya saing yang dilihat mengangkat dan membela penjawat awam," katanya.

Diyakini jadi Harimau Dunia

KEPIMPINAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memimpin negara berteraskan Malaysia MADANI diakui 'luar biasa' dalam memulihkan ekonomi.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM), Dr Mohammad Tawfiq Yaakub berkata, tempoh itu merupakan tugas mencabar dan berjaya ditempuhi oleh Anwar dan barisan menteri Kabinet dengan cemerlang.

"Saya yakin Malaysia selesa ini tidak perlu setakat menjadi negara yang dihormati sebagai Harimau Asia, tetapi kita sekarang lebih ke hadapan

mencipta nama sebagai Harimau Dunia," katanya.

Menurutnya dua tahun bukan tempoh yang panjang tetapi usaha yang dilakukan diakui 'luar biasa' untuk memulihkan ekonomi, menarik pelaburan luar untuk bertapak dan meningkatkan pelaburan.

"Perdana Menteri juga giat meneroka pasaran dunia dengan lawatan rasmi serta bertemu dengan pelabur yang

berpotensi," katanya.

Tambah Tawfiq dalam kekangan mewarisi pentadbiran sebelumnya yang banyak meninggalkan kelemahan. Anwar berjaya menangani masalah yang ditinggalkan.

Beliau membuktikan berjaya memulangkan semula hasil negara untuk kenaikan gaji awam, mekanisme subsidi bersasar bagi

membasmi ketirisan dan agihan ekonomi kepada golongan yang berhak menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) ditambah nilai dan inisiatif ekonomi lain yang dapat dirasai oleh rakyat.

Mengulas lanjut, Tawfiq berkata dalam konteks politik beliau mempunyai keazaman politik yang tidak terjangka apabila mampu menjadi jambatan kepada penubuhan Kerajaan Perpaduan.

Ujar Tawfiq, Anwar juga berjaya menamatkan politik sepantjang masa yang mengganggu proses pembangunan negara, keamanan dan keharmonian rakyat.



TAWFIQ

PENCAPAIAN TAHUN KE-2

PRESTASI PERDAGANGAN

■ RM2.1 trillion
Jumlah dagangan bagi sembilan bulan pertengahan 2024 melepas nilai berbanding tahun sebelumnya.

■ RM160 bilion
Pelaburan diluluskan untuk separuh tahun pertama 2024, berbanding RM135.6 bilion dalam tempoh sama tahun lepas.

PELABURAN BERIMPAK TINGGI

■ Malaysia mencatatkan pelaburan digital berjumlah RM185.3 bilion dan bakal mewujudkan 64,479 peluang pekerjaan.

MELONJAK WAJAH MALAYSIA

■ Kepengerusian ASEAN 2025
Kepimpinan Malaysia akan menonjolkan keterangkuman dan kemampanan serta menarik perhatian global terhadap potensi ekonomi Malaysia dan ASEAN.

■ Malaysia sebagai rakan kerjasama BRICS
Penyertaan Malaysia mendapat sokongan penuh China, India, Russia dan negara anggota lain untuk membawa manfaat ekonomi, perdagangan baharu dan mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional.

■ Pemeterian MoU, perjanjian dan kerjasama antarabangsa 72 MoU dan kenyataan bersama dimuktamadkan untuk perkukuh hubungan antarabangsa.

PENUBUHAN FAKULTI AI PERTAMA NEGARA

■ 101 pelajar kohort pertama diterima dalam program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan dengan Kepujian di UTM.

REFORMASI INSTITUSI

■ Pindaan Akta Audit 1957
Ketua Audit Negara diberi kuasa siasatan hampir 2,000 GLC, GLIC. Memberi kuasa lebih luas kepada Ketua Audit Negara untuk siasatan dan audit akaun syarikat terima jaminan kewangan Kerajaan Persekutuan atau negeri.

SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

■ Kadar kenaikan gaji tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara.

INDEKS KEAMANAN GLOBAL

■ Kedudukan ke-10 pada 2024.

KADAR PENGANGGURAN

■ Kadar pengangguran terendah pasca pandemik COVID-19 3.2% - September 2024.

INDEKS PERSEPSI RASUAH

■ Kedudukan Malaysia meningkat ke tangga 57 pada 2023 daripada tangga 61 pada 2022.

KDNK

■ Peningkatan KDNK (5.3% suku ketiga 2024).

Dua tahun Kerajaan MADANI PERKUKUH EKONOMI

“SIFIR yang selalu digunakan oleh para penganalisis politik untuk melihat kejayaan satu-satu pentadbiran baharu itu adalah 3, 6, 9 dan 12 bulan,” ujar Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Ts Nurul Aishah Ab Raman.

Katanya, Kerajaan Perpaduan membuktikan melepas tempoh ‘kritikal’ tersebut dengan membawa satu kepimpinan yang transformatif, inklusif dan mampan.

“Sebagai tokoh reformasi yang sekian lama memperjuangkan perubahan sistemik yang mencerminkan prinsip keadilan, kesaksamaan dan kebebasan telah menggarap pentadbiran PMX yang berusaha memahami aspirasi rakyat dan menjadikan Malaysia sebagai contoh kepada dunia dalam kepimpinan berprinsip dan bervisi,” ujar beliau.

Menyorot kembali antara inisiatif kerajaan yang menjadi induk kepada dasar-dasar yang telah diluncurkan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK12) sudah mula merekodkan pencapaian baik selari dengan pertumbuhan ekonomi negara yang mencatat perkembangan positif.

“Malah pengukuhan ringgit dalam tempoh tujuh bulan kepada RM4.21 pada Oktober 2024 berbanding nilai dolar Amerika adalah



ANWAR bertemu Blinken dalam Mesyuarat Dua Hala di antara Malaysia dan Setiausaha Negara AS.

bukti kerangka Ekonomi MADANI berjaya.

“Kesemua kejayaan ini membuktikan kepimpinan Perdana Menteri Ke-10 adalah teguh, visi yang jelas serta kesungguhan dalam mengutamakan kepentingan negara,” ujar beliau.

Tambahan Nurul Aishah, peranan aktif Malaysia dalam ASEAN-China menerusi inisiatif seperti Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) Malaysia-China yang akan

memungkinkan Malaysia sebagai fasilitator utama dalam menghubungkan ASEAN.

“Selain itu pendekatan seimbang dalam konflik global dan memperbaiki hubungan dengan Negaranegara timur Tengah bukti kebijaksanaan PMX memainkan peranan dalam politik antarabangsa,” ujar beliau.

Kata beliau, dalam aspek nilai-nilai besar MADANI (Daya Cipta), kerajaan menggalakkan

innovasi teknologi dengan menarik pelaburan syarikat antarabangsa seperti Microsoft dan Amazon, menjadikan Malaysia hub teknologi serantau..

Malaysia menyambut baik cadangan pelaburan berjumlah AS\$14.7 bilion (AS\$1=RM4.29) oleh syarikat gergasi teknologi Amerika Syarikat (AS) iaitu Google, Microsoft, Enovix Corporation, Amazon Web Services, Abbott Laboratories dan Boeing.

Terdahulu, Anwar bertemu Setiausaha Negara AS, Antony Blinken sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang-sidang Berkaitan di Pusat Konvensyen Nasional Vientiane.



NURUL AISHAH

Capai objektif pemulihan

SEORANG pakar politik negara berpandangan dua tahun Kerajaan MADANI telah berjaya mencapai objektif dan komitmen untuk pemulihan Malaysia.

Penganalisis politik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Bilcher Bala berkata ia dari segi ekonomi pada tahun 2019 sehingga 2021.

“Sejak tahun 2021 hingga 2024, ada peningkatan yang lebih sejahtera implikasi



BILCHER

daripada dasar yang jelas dan efektif di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI.

“Antaranya, kejayaan utama itu ialah pemulihran ekonomi, di mana nilai Ringgit Malaysia mengukuh sebanyak 1.4 peratus berbanding Dolar Amerika Syarikat.

“Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara (Macrotrends, 2023),” ujar beliau.

Menurut Bilcher penurunan

kadar pengangguran dari 4.64 peratus pada tahun 2021 kepada 3.2 peratus setakat September 2024.

Katanya, ini menunjukkan peningkatan dalam peluang pekerjaan dan kestabilan ekonomi (Department of Statistics Malaysia, 2023).

“Menurut rekod Macrotrends (Sumber: <https://www.macrotrends.net/global-metrics/countries/MYS/malaysia/unemployment-rate>) melaporkan bahawa kadar pengangguran dari 4.60 peratus pada tahun 2021 telah menyusut kepada 3.93 peratus pada tahun 2022.

“Seterusnya 3.85 peratus pada tahun 2023 dan 3.20

peratus pada setakat bulan September 2024” katanya.

Sementara itu, kejayaan dari segi peningkatan daya saing global negara, di mana Malaysia menduduki tangga ke-12 dalam Indeks Daya Saing Global.

Beliau berkata ini menandakan peningkatan dalam kestabilan ekonomi dan daya saing (Trading Economics, 2023).

Tambahnya, dari segi peningkatan kualiti hidup, di mana Malaysia berada di tangga ke-25 dalam Indeks Pembangunan Manusia, mencerminkan peningkatan dalam kualiti hidup rakyat (Trading Economics, 2023).

BERITA DUNIA MENGENAI MALAYSIA

Pasaran saham Malaysia: Pernah digelar ‘terburuk di dunia’, kini bangkit semula

PASARAN saham Malaysia mengalami pemulihan yang stabil apabila berbilion dolar mengalir ke dalam bursa saham yang pernah mencatatkan prestasi terburuk di rantau Asia.

Didorong oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh selepas pandemik dan lonjakan pelaburan asing oleh gergasi teknologi Amerika Syarikat (AS), indeks penanda aras Bursa Malaysia meningkat 17 peratus sepanjang tahun lepas.

AlJazeera, 15 Oktober 2024

Hala tuju baru Malaysia: Kerjasama BRICS

HASRAT Malaysia untuk menyertai pakatan BRICS menandakan perubahan besar dalam penjajaran global negara ini.

Dengan bekerjasama dengan Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan, Malaysia mengembangkan hubungan globalnya melangkaui Barat.

Langkah ini adalah sebahagian daripada peralihan yang lebih besar dalam geopolitik global, mencerminkan kebangkitan ekonomi sedang pesat membangun.

Strategi Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri bertujuan untuk mengeratkan hubungan dengan sekutu utama seperti China dan AS dan meneroka peluang baharu dalam BRICS.

The Rio Times, 18 Jun 2024

Apa pendirian Anwar Ibrahim? Tindakan Perdana Menteri menyeimbangkan hal-hal dalam negeri dan luar

Di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Malaysia menikmati kelebihan dalam pelaburan asing daripada syarikat ternama Barat dan Asia yang ingin mempelbagaikan rantaian bekalan dari China.

Pelaburan Amerika Syarikat (AS) di Malaysia melonjak dalam beberapa tahun kebelakangan ini dengan firma teknologi terkemuka termasuk Intel, Amazon, Google dan Microsoft melabur berbilion-bilion dalam operasi baharu, menjadikan Malaysia sebagai medan pertempuran utama untuk pengaruh serantau.

Time, 19 September 2024

Lompatan Malaysia menuju negara kaya

PENDAPATAN per kapita Malaysia menghampiri ambang yang ditetapkan oleh Bank Dunia untuk status negara berpendapatan tinggi, iaitu AS\$13.205.

Dengan pelbagai dasar strategik dan pembaharuan ekonomi yang telah dijalankan, Malaysia semakin hampir kepada matlamat ini, yang akan menandakan satu transformasi yang ketara dalam ekonominya.

Detik News, 24 September 2024

Pemilikan kediaman mampu milik

KERAJAAN TAK PINGGIR RAKYAT TEMPATAN

DA KWAAAN mengatakan pentadbiran Kerajaan MADANI lebih mengutamakan orang luar dalam pemilikan kediaman dilihat berleluasa sejak kebelakangan ini.

Ia antara lain mengaitkan pelabur dari China di Pulau Pinang yang didakwa diutamakan dalam isu tersebut berbanding rakyat tempatan yang tidak mampu memiliki rumah.

Dakwaan tersebut nyata bersifat fitnah kerana kerajaan tidak pernah mengabaikan rakyat tempatan memiliki kediaman mampu milik.

Menyedari pentingnya menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir menyaksikan pemerintahan Perjanjian Pembangunan Bersama Rumah Mampu Milik Bakat Baru MADANI Pulau Pinang.

Ia membatikan pembinaan hampir 38,000 unit kediaman dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM13 bilion, baru-baru ini.

Menerusi inisiatif yang disifatkan sebagai nilai pembangunan terbesar bagi rumah mampu milik dalam sejarah negara, projek usaha sama antara Penang Development Corporation (PDC), PDC Properties



ANWAR (tengah) ketika Majlis Pemeteraian Perjanjian Pembangunan Bersama Rumah Mampu Milik Bakat Baru MADANI Pulau Pinang di Kuala Lumpur baru-baru ini.

(PDCP) dan SkyWorld Development Berhad (SkyWorld) itu menawarkan harga rumah antara RM300,000 hingga RM420,000.

Ia menyasarkan pemilikan rumah bagi golongan B40 dan M40.

Projek yang akan dibina di Batu Kawan dan Seberang Jaya itu akan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kolam renang, gimnasium, dewan serbaguna dan taman permainan.

Yang turut hadir menyaksikan pemerintahan perjanjian itu ialah

Menyanyai dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Ini selaras hasrat kerajaan memastikan golongan itu mampu memiliki rumah dengan bayaran bulanan berpatutan di samping meningkatkan kualiti hidup rakyat.

“Perumahan rakyat ini yang penting keselesaan dan kualiti.

“Kalau (perumahan) orang kaya ada kolam bermutu tinggi, sekurang-kurangnya untuk rakyat

(di rumah mampu milik) ada kolam yang boleh dimanfaatkan. Sekurang-kurangnya kalau (perumahan) orang kaya ada padang golf, rakyat ada padang permainan,” kata Perdana Menteri.

Apa lagi fitnah yang mahu disebarluaskan?

Keprihatinan Kerajaan MADANI memenuhi kehendak rakyat adalah antara usaha yang seharusnya kita puji terutama dalam aspek penyediaan kediaman mampu milik.

Isu kesihatan dipandang serius

BARU-BARU ini kecoh di laman media sosial apabila ada pihak mendakwa beberapa jenis ubat-ubatan yang diperlukan di hospital kerajaan tidak mencukupi.

Bertambah buruk apabila mereka mendakwa terpaksa mendapatkan ubat berkenaan di farmasi-farmasi swasta dengan harga yang mahal.

Susulan itu ramai mendakwa kerajaan tidak cakna terhadap beban ditanggung rakyat di sebalik kenaikan kos sara hidup ketika ini.

Namun begitu kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa memandang serius mengenai isu kesihatan rakyat.

Menyanyai Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata kementerian bersedia menawarkan kontrak tambahan untuk perolehan farmaseutikal pada awal tahun depan bagi memastikan kestabilan bekalan ubat di negara ini, khususnya insulin.

Beliau berkata langkah itu susulan gangguan bekalan insulin pada Ogos lalu yang mendorong kementerian mengambil tindakan segera bagi memastikan pesakit mendapat akses kepada ubat tersebut.

“Kita sudah ada nama beberapa syarikat dalam perancangan dan



DZULKEFLY menegaskan Malaysia tidak akan mengalami kekurangan ubat-ubatan yang diperlukan oleh rakyat.

kini di peringkat akhir untuk pemberian lesen. Ia syarikat biasa yang sudah dikenali ramai dan mereka komited untuk melabur dalam membangunkan insulin,” katanya kepada pemberita selepas Minggu Kesedaran Antimikrod Sedunia 2024 baru-baru ini.

Beliau memberi jaminan Malaysia tidak akan mengalami kekurangan insulin manusia seperti gangguan pada Ogos lalu.

Terdahulu, beliau memberitahu Dewan Rakyat bahawa pihak kementerian tidak lagi mengizinkan kontrak perolehan farmaseutikal hanya kepada satu syarikat bagi memastikan bekalan ubat yang selamat dan stabil di negara ini.

“Pengalaman yang berlaku pada Ogos lepas memberikan banyak pengajaran penting khususnya apabila timbul situasi kekurangan bekalan insulin.

“Walaupun tiada kes yang terbukti pesakit pulang tanpa bekalan, situasi ini memerlukan langkah pantas bagi memastikan bekalan tetap mencukupi. Langkah awal yang diambil termasuk memindahkan bekalan antara klinik berdekatan.

“Sebagai contoh, jika klinik A kehabisan bekalan, ia boleh mendapatkan stok di klinik B, C, atau D. Pendekatan ini memastikan kesinambungan bekalan kepada pesakit tanpa gangguan. Keupayaan untuk bertindak pantas ini mengelakkan sebarang impak besar kepada pesakit,” katanya.

Namun begitu katanya pengalaman tersebut memberi amaran tentang risiko kebergantungan kepada satu sumber sahaja.

“Dalam situasi ini pembekal tunggal Biocon menghadapi kegagalan membekalkan insulin. Ia hampir mencetuskan krisis bekalan.

“Sebagai langkah ke hadapan, pendekatan yang lebih mampan adalah memastikan kepelbagaiannya sumber bekalan bagi ubat-ubatan penting seperti insulin manusia. Ini bermakna kontrak atau tender tidak lagi diberikan kepada satu pembekal,” katanya.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

23/11-23/12/24: Pameran Jejak Beribu Tahun @ Balai Seni Negara

14/12/24: Hari Terbuka PPTGWP @ Rumah Persekutuan KL

1/1/25: KL New Year Run 2025 @ Dataran Merdeka, KL

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

27-29/12/24: Zumba LAMPU @ Perbadanan Putrajaya

27-31/12/24: Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU) 2024

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

20-22/12/24: Pertandingan Seni Silat Perguruan Persatuan Seni Silat Cengkam Harimau Ghaib & Malam Adat Istiadat Perguruan 2024

28/12/24 -1/1/25: Labuan Ambang 2025 Open Fours @ Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan

31/12/24: International Character Costume Night Run 2024 @ Kompleks Sukau Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

POLITIK MODEN UMPAMA PASUKAN BOLA



DARIPADA bergelar Profesor Universiti beliau terjun ke gelanggang politik dan kini bergelar Yang Berhormat (YB). **DR ABDUL AZIZ BARI**.

Beliau sebelum ini merupakan pakar rujuk undang-undang dan perlembagaan sudahpun memahami sepak terjang dunia politik.

Biarpun dihujani pelbagai sindiran mahupun kritikan, malah lebih daripada itu termasuklah makian dan penghinaan berikutan jalan yang dimudik berlawanan dengan ideologi kebanyakan orang. Abdul Aziz beranggapan ia perkara biasa dan tidak pernah sedikitpun berkecil hati.

Baginya, politik moden adalah umpama pasukan bola, ia bukan badminton atau tenis. Ia kerja berpasukan dan untuk memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat, ia harus dilakukan secara berkumpulan.

Walaupun keutamaannya kini adalah kebajikan rakyat selepas dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tebing Tinggi, beliau boleh menyesuaikan diri sekali gus menjadi tulang belakang kepada golongan yang memerlukan.

Wartawan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY**, berpeluang mendengar sendiri aspirasi Abdul Aziz yang berjaya mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tebing Tinggi untuk penggal kedua dengan majoriti 660 undi sekali gus menepis tanggapan bahawa ahli akademik seperti dia adalah golongan elitis yang tidak pandai bergaul dengan orang ramai.



MASALAH banjir turut menjadi perhatian untuk ditangani Abdul Aziz sebagai ADUN Tebing Tinggi.

Bagaimakah pengalaman sebagai ahli akademik mempengaruhi pendekatan YB terhadap politik dan tadbir urus? Adakah YB lebih berpuas hati menjadi ahli politik dan wakil rakyat berbanding kerjaya akademik sebagai Pensyarah Kanan?

Kuncinya ialah menyesuaikan diri dan disiplin kerja. Saya terpaksa terjun ke gelanggang politik setelah dihalau dari universiti, jadi saya terpaksa belajar di dunia yang baru. Bagi saya, hidup ini satu cabaran dan sekiranya kita gagal membuat penyesuaian, kita akan tenggelam. Dalam politik ini memerlukan pengorbanan yang besar dari aspek masa dan saya perlu melaluinya.

Berbanding di universiti, tugas saya adalah untuk mendidik, namun dalam politik dan kini wakil rakyat, saya perlu bersama-sama dengan rakyat.

Sebagai pakar undang-undang perlembagaan, bagaimakah YB menilai prestasi keseluruhan ahli politik Malaysia dalam memahami dan menegakkan Perlembagaan Persekutuan?

Apa yang kita lihat sekarang ialah *work in progress*, kalau kita terlalu *rigid* dan tidak mengambil kira realiti masyarakat yang tidak sempurna sudah tentu kita akan kecewa dan perubahan tidak akan berlaku.

Kita harus sabar, tetapi dalam masa samajuga harus memegang kepada prinsip. Contohnya masyarakat atau mungkin parti yang kita naungi sendiri mungkin gagal untuk meneruskan komited dengan integriti, itu sebagai contoh tetapi kita harus terus komited kerana jika pun sama maka proses perubahan yang ideal itu sampai bila pun tidak akan berlaku. Namun saya yakin, pemahaman wakil rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan itu perlu ditingkatkan kerana setiap tindakan mereka berada di dalam ruang lingkup itu.

Penafsiran Perlembagaan Persekutuan dalam dunia nyata itu luas dan kita tidak boleh *rigid* begitu, namun kita perlu bercakap dalam bahasa yang difahami oleh rakyat dan ia tidak terlalu sukar sekiranya pemimpin

yang dipilih memahami penafsiran dan mendidik rakyat mengenainya.

Apakah cabaran paling ketara yang pernah YB hadapi sejak beralih daripada akademik kepada politik? Bagaimakah YB mengatasinya?

Dalam apa jua bidang sekalipun, cabaran utama ialah berhadapan dengan faktor-faktor yang berusaha menggagalkan idea kita dan perlu bersabar. Dalam politik kita perlu cepat bertindak, tidak boleh bertangguh-tangguh dan tidak boleh *rigid*. Selain itu, kita juga perlu kreatif kerana isu politik ini pelbagai. Kalau kita bawa budaya dan cara kerja akademik, kita tidak gagal dalam politik.

Bolehkah YB berkongsi beberapa pencapaian YB yang paling penting dan apa-apa penyesalan yang mungkin YB alami sepanjang tempoh sebagai ahli politik?

Realiti politik ialah kita harus bersama parti dan parti mungkin berhadapan dengan situasi mencabar yang melibatkan pilihan yang sukar. Tetapi ini tidak harus melupakan kita kepada matlamat asal membaca perubahan yang mendasar ke arah yang lebih baik.

Bagaimakah YB bekerja untuk mengekalkan kepercayaan orang ramai dan memastikan ketelusan dalam peranan sebagai ADUN?

Bagi saya, untuk mengekalkan kepercayaan orang ramai, khususnya kepada pengundi di DUN Tebing Tinggi ini adalah melalui komunikasi yang mudah dan berkesan. Selain itu, saya bersyukur kerana turut mempunyai pasukan yang gigih dan komited dalam menyelesaikan masalah mahupun aduan yang dikemukakan.

Di peringkat DUN ia lebih bertumpu kepada komuniti yang kecil dan masalah yang bersifat tempatan. Kita juga perlu responsif dan dalam politik semasa di mana kita bekerja dalam pasukan kita perlu berperanan sebagai ahli pasukan bukan sebagai individu. Politik moden adalah umpama pasukan bola, ia bukan badminton atau tenis.

Apakah keutamaan dasar utama YB untuk Tebing Tinggi dan bagaimana YB merancang untuk menanganiinya?

Realiti politik ialah bahawa kita hanyalah pemain di dalam satu pasukan. Ia perlu diputuskan secara berpasukan meskipun faktor peribadi calon ada juga pengaruhnya.

Bagaimakah YB mengimbangi tanggungjawab sebagai ahli politik dengan latar belakang dan minat berterusan YB dalam bidang akademik?

Latar belakang akademik tidak boleh dibesar-besarkan kerana kita perlu juga sifat yang merendah diri dan memastikan masyarakat ada akses kepada kita. Membesar-besarkan latar belakang akademik boleh memberi mesej yang salah dan akan ada dalam kalangan masyarakat yang melihat kita sebagai elitis. Pendek kata akademik itu sudah jadi soal peribadi tidak terlalu relevan dalam rutin sehari-hari saya walaupun ia satu aset yang berguna, sesuatu yang menyebabkan orang menghormati kita.

Bolehkah YB berkongsi detik yang menggembirakan semasa berkhidmat sebagai wakil rakyat?

Apabila terjun ke dalam bidang politik, ia memerlukan kekuatan kerana ia mungkin agak asing bagi ahli akademik. Di kampus, aktiviti sehari-hari dipenuhi dengan perbincangan ilmu, wacana ilmiah malah mengajar siswa dan siswi. Antara perkara yang saya ingati adalah, apabila sesetengah rakan akademik terkejut melihat kemampuan kita untuk bercampur dengan pelbagai lapisan masyarakat: sesuatu yang sebelum ini mereka anggap mustahil disebabkan karakter dan watak saya di kampus dahulu.

Apakah keputusan paling sukar yang YB terpaksa buat sebagai ahli politik dan apakah akibatnya?

Saya rasa itu tidak pernah berlaku kerana Pakatan Rakyat dan kemudian Pakatan Harapan adalah komuniti politik yang realistik meskipun kita punya ideal tertentu yang hendak dicapai. Ini adalah kelebihan berada dalam kelompok reformasi, di mana politik ialah satu cara untuk menyumbang dan berkhidmat.

Apakah visi YB untuk masa depan Tebing Tinggi dan Malaysia secara keseluruhannya? Bagaimakah YB melihat peranan peribadi dalam mencapai visi tersebut?

Nampaknya setelah dua tahun ini kita berada pada landasan yang betul dan mudah-mudahan ia berterusan begitu sekali gus dapat melahirkan masyarakat yang adil dan demokratik yang dihormati di seluruh dunia. Selain itu, kita juga mesti secara peribadi memperkenalkan sikap itu.



Bazar Ramadan, Aidilfitri 2025

50% PERMOHONAN TAPAK DITERIMA

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP), akan menjadi koordinator dan bekerjasama dengan jabatan dalam yang berkaitan bagi melicinkan operasi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri yang akan bermula pada 1 Mac 2025 nanti.

Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, **Ismadi Sakirin** berkata, ia berikutan arahan baharu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa yang mahu DBKL menguruskan sendiri petak Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri.

"DBKL telah menyediakan 44 lokasi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri serta menawarkan kira-kira 3,707 petak perniagaan yang diuruskan sendiri.

"Untuk waktu ini adalah kerja-kerja pengurusan permohonan lesen sahaja dan cabaran sebenar adalah ketika pembukaan bazar itu nanti di mana semua perkara perlu diteliti termasuklah soal kebersihan, sampah, lalu lintas, keselamatan dan sebagainya.

"Setiap jabatan ini termasuklah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS); Jabatan Pengurusan dan beberapa jabatan lain akan bekerjasama bagi memastikan operasi di semua bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri berjalan dengan baik," katanya ketika ditemui Wilayahku selepas Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Antara Datuk Bandar Kuala Lumpur Dan Bank Muamalat Malaysia Berhad di ibu negara pada Rabu.

Hadir sama Pengarah Perbankan Komersial Bank Muamalat Malaysia Berhad, Datuk Mohamed Nazir Nor Mohamed dan Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL, Badrul Hisham

Baharuddin.

Ismadi berkata setakat ini, pegawai dan kakitangan yang terlibat tidak berdepan sebarang masalah berikutan pemohonan lesen dibuat menerusi sistem portal yang disediakan secara atas talian.

"Ini merupakan peringkat awal, proses semakan untuk permohonan sedang dijalankan. Permohonan lesen Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri akan ditutup pada Jumaat (13 Disember).

"Keadaan juga masih terkawal kerana kita menggunakan sistem, maknanya tiada mana-mana pihak yang menjadi orang tengah untuk urusan lesen dan daripada peringkat permohonan sehingga bayaran lesen akan dibuat secara atas talian.

"Bahkan untuk cabutan undi dalam menentukan tapak juga akan dibuat secara atas talian bagi memudahkan pengurusan pihak jabatan yang terlibat," katanya.

Terdahulu, Ismadi menyaksikan Badrul Hisham mewakili DBKL memeterai Nota Kerjasama dengan Pemangku Pengarah Perbankan Runcit Bank Muamalat Malaysia Berhad, Mohammad Zalman Jalil yang mewakili syarikat perbankan itu.

Ismadi berkata penglibatan bersama dengan pihak berkepentingan seperti Bank Muamalat amat penting dalam merancang pembangunan dan mengurus perbandaran yang berkesan di Kuala Lumpur.

"Ia selaras dengan prinsip yang telah diterapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada ketika ini melalui pendekatan amalan 4P (*Public, Private, People and Partnership*) demi mencapai matlamat Kuala Lumpur Bandaraya Untuk Semua (*City For All*).

"Saya ingin merakamkan

ucapan terima kasih kepada pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad di atas kesudian untuk berkerjasama dengan DBKL," katanya.

Beliau berkata pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad bersetuju untuk menaja kanopi kepada semua penjaja.

"Selain daripada kanopi, Bank Muamalat akan turut menawarkan pelbagai lagi inisiatif yang menarik seperti pemberian apron, topi dan kotak pembesar suara dengan kod QR apabila peniaga membuka akaun Bank Muamalat.

"Inisiatif dengan pihak Bank Muamalat juga menarik supaya DBKL dapat membuat pengiraan hasil jualan peniaga dan penjaja kerana sebelum ini tidak pernah dibuat berikutan pihak DBKL hanya menguruskan lesen perniagaan sahaja," katanya.

Melalui kerjasama ini, pelbagai inisiatif menarik akan diperkenalkan oleh Bank Muamalat, antaranya *Go Cashless* dengan *QR Pay* di mana Bank Muamalat akan memperkenalkan inisiatif '*Go Cashless*' yang membolehkan pengunjung melakukan transaksi tanpa tunai melalui *QR Pay* serta menggalakkan penggunaan ekosistem pembayaran digital.

Sebagai tanda sokongan Bank Muamalat kepada para peniaga bazar Ramadan, peniaga akan menerima khemah percuma bersaiz 8 inci x 8 inci. Sekiranya peniaga membuka akaun dengan Bank Muamalat, mereka akan menerima apron, topi dan kotak pembesar suara dengan kod QR. Bank Muamalat juga akan membuka kaunter khas di lima lokasi utama iaitu Lorong TAR, Wangsa Maju, Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kampung Baru dan Taman Tasik Permaisuri bagi memudahkan urusan peniaga dan pengunjung. 



ZALIHA ketika mempengerusikan MPPWP kali kedua pada Isnin.

Peranan MPPWP perlu diperkasa

MAJLIS Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Peringkat (MPPWP) perlu laksana aktiviti selari dengan polisi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) agar manfaat daripada dasar-dasar tersebut benar-benar dirasai oleh rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, MPPWP adalah penghubung utama antara kerajaan dan komuniti

dan peranannya mesti diperkasa sekali gus dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan untuk rakyat.

"Memandangkan MPPWP memainkan peranan penting dalam menyampaikan dasar serta polisi kerajaan kepada rakyat, JWP akan terus meneliti ruang-ruang penambahbaikan bagi memastikan

keberkesaan peranan ini," katanya selepas Mesyuarat MPPWP kali kedua pada Isnin.

Beliau berkata pada masa akan datang, pihaknya mahu MPP mengambil peranan yang lebih besar melalui penglibatan langsung dalam program khas seperti Program Usaha Jaya Insan (PUJI).

"Dengan itu, MPP dapat berfungsi sebagai jambatan yang lebih berkesan dalam menyampaikan inisiatif Kerajaan Persekutuan kepada masyarakat setempat.

"JWP dan semua agensi yang terlibat akan terus memberi sokongan penuh untuk memastikan peranan MPP ini diperkasakan demi kesejahteraan Wilayah Persekutuan dan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI," katanya. 

Penetapan zon guna tanah

PENETAPAN zon guna tanah dan intensiti pembangunan di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) 2020 mengambil kira kapasiti selaras dengan daya tampung dari segi semua aspek perancangan termasuk trafik, sosial, kebolehsediaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan masyarakat," kata **Dr Zaliha Mustafa**.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) itu berkata sebarang cadangan pembangunan yang dipertimbangkan untuk kelulusan perlu mematuhi zon guna tanah dan intensiti yang telah ditetapkan di dalam PTKL yang telah diwartakan.

Jelasnya, dalam konteks kawalan perancangan, cadangan pembangunan baharu adalah dipastikan supaya seimbang dan mematuhi semua dasar-dasar semasa kerajaan, kehendak-kehendak teknikal dan garis panduan perancangan termasuk syarat-syarat yang dikenakan oleh

jabatan teknikal dalaman DBKL serta agensi teknikal luaran.

"Ini bagi memastikan pembangunan yang diluluskan mengambil kira semua aspek dan kehendak yang telah ditetapkan termasuk peningkatan infrastruktur, penyediaan kemudahan sokongan dan penyediaan kawasan lapang.

"Kelulusan terhadap permohonan pembangunan baharu hanya akan diberikan setelah semua aspek teknikal dan syarat-syarat dipatuhi," katanya ketika sesi jawapan bertulis di Parlimen pada Isnin.

Terdahulu, Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) bertanya bagaimana kementerian dan DBKL memastikan penyelesaian bagi meluluskan permohonan perintah pembangunan berlaku selari dan seimbang dengan keperluan meningkatkan semua infrastruktur sokongan termasuk dan tidak terhad kepada jalan, sekolah, klinik, kemudahan tempat letak kereta dan kawasan hijau. 



ISMADI (dua dari kanan) menerima contoh apron daripada Mohamed Nazir yang akan diagihkan kepada peniaga.

ANWAR (tiga kiri) menanam pokok merbau bersempena pencapaian Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 pada Selasa.



ANWAR turut meluangkan masa melawat Pameran Penghijauan Malaysia yang diadakan di Parlimen.

Pokok ke-100 juta berjaya ditanam

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyempurnakan penanaman pokok yang ke-100 juta di Taman Herba Parlimen Malaysia pada Selasa.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memberitahu majlis tersebut merupakan simbolik ke-100 juta di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

"Beliau menanam pokok kebangsaan Malaysia, pokok Merbau (*Intsia palembanica*) yang merupakan antara spesies pokok yang telah ditanam sepanjang kempen ini selain Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*), Kelempayan (*Neolamarckia cadamba*), Binuang (*Octomeles sumatrana*), Meranti

Pasir (*Parashorea densiflora*), Nyatoh Tembaga (*Palaquium leiocarpum*) dan lain-lain," tulisnya dalam satu kenyataan.

Tambahan dengan sempurnanya majlis penanaman pokok yang ke-100 juta ini juga menandakan pencapaian Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, awal daripada sasaran yang ditetapkan.

"Ia sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara yang komited terhadap pemeliharaan alam sekitar, selaras dengan agenda global untuk pembangunan lestari.

"Kempen ini juga adalah bukti komitmen kerajaan yang

berpaksikan kepada prinsip Kemampaman dalam kerangka Malaysia MADANI. Usaha ini bertujuan untuk menyumbang kepada masa hadapan yang lebih hijau dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

"Program ini bukan sahaja memulihara kepelbagaiannya biologi yang menjadi khazanah negara malah meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi untuk mengurangkan kesan perubahan iklim yang semakin ketara," ujarnya.

Jelasnya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menganggarkan akan terdapat peningkatan kawasan hutan dipulihara sebanyak 20,000 hingga 80,000 hektar menjelang

2025, bergantung kepada jarak penanaman.

"Sehingga kini Malaysia berjaya mencatatkan litupan hutan sebanyak 18 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara selari dengan komitmen negara di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992, iaitu memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara dililiti pokok dan kawasan hutan.

"Bersempena dengan program ini juga, Pameran Penghijauan Malaysia turut diadakan pada 9 hingga 11 Disember 2024 di Lobi Utama Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia melibatkan penyertaan lapan agensi," katanya.

Terdahulu, kempen yang

dilancarkan pada 5 Januari 2021 itu turut mendapat kerjasama strategik dengan JPSM, Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sarawak (JH Sarawak), Jabatan Perhutanan Sabah (JP Sabah), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM).

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul; Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr Ching Thoo Kim.

Skim Bantuan Awal IPTA & IPTS

250 PELAJAR TERIMA BANTUAN

DIANA AMIR



ABDUL BASIR menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar IPT yang terpilih.

BERPERANAN membangunkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus membantu pelajar yang kurang berkemampuan melanjutkan pengajian.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, seramai 250 pelajar telah dipilih untuk menerima Skim Bantuan Awal Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) YWP.

"Setiap pelajar menerima sumbangan sebanyak RM700 secara *one-off*, yang diharapkan dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan awal seperti pembelian buku, pendaftaran dan keperluan lain sebelum memulakan sesi pengajian.

"Seramai 250 pelajar telah dipilih sebagai penerima manfaat daripada skim ini dengan jumlah keseluruhan bantuan bernilai RM175,000," katanya ketika berucap pada Majlis

Penyampaian Cek Skim Bantuan Awal IPTA & IPTS YWP bertempat di Dewan Masjid Kampong Baru Kuala Lumpur pada 5 Disember lalu.

Tambahnya minggu lalu juga pihak YWP bersama kakitangan Maybank turut memberikan sumbangan Bantuan Awal IPT kepada 27 pelajar dari Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

Abdul Basir berkata pihak YWP sentiasa komited untuk menyokong pelbagai inisiatif pembangunan sosial, pendidikan dan kebajikan yang memberi impak positif kepada masyarakat.

"Pendidikan adalah pelaburan jangka panjang yang mampu mengubah nasib seseorang, keluarga dan masyarakat.

"Oleh itu, usaha seperti ini perlu diteruskan dan diperluaskan lagi pada masa hadapan agar lebih ramai golongan muda yang berbakat dapat merealisasikan potensi mereka," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau turut

mengingatkan para penerima untuk manfaatkan bantuan yang diterima sebaiknya.

"Saya mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya. Gunakanlah bantuan ini sebaik-baiknya untuk melengkapkan diri anda dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa hadapan."

"Anda semua adalah harapan keluarga, masyarakat dan negara. Sekali lagi saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini dan semoga usaha kita diberkati dan dirahmati Allah SWT," katanya.

Untuk rekod, Skim Bantuan Awal IPTA & IPTS ini merupakan salah satu inisiatif YWP dengan sokongan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melanjutkan pengajian tanpa dibebani masalah kewangan.

SIAPKAH MENUJU NEGARA TUA?

DR MOHD KHAIRI ISMAIL

MALAYSIA dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara. Menerusi Kenyataan Media bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dilaporkan



FELO PENYELIDIK
PASCA KEDOKTORAN
PUSAT PENGAJIAN
PEMBANGUNAN
UNGKU AZIZ (UAC),
UNIVERSITI MALAYA

bahawa peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus kepada 7.3 peratus bagi tempoh yang sama dan berdasarkan definisi United Nations, Malaysia telah menjadi negara menua.

Dalam konteks negara menua, isu perkhidmatan kesihatan dan sokongan sosial adalah perlu untuk diberi tumpuan. Selain itu, pada tahun 2030, dianggarkan terdapat lebih 4.5 juta

warga emas di Malaysia, yang memerlukan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti dan kos yang mampu milik.

Oleh itu, kementerian yang terlibat perlu merangka strategi yang komprehensif bagi memastikan warga emas tidak hanya menerima rawatan perubatan, tetapi juga penjagaan jangka panjang yang memenuhi keperluan mereka. Salah satu aspek penting dalam strategi ini adalah pendidikan kekeluargaan mengenai penjagaan warga emas.

Dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang keperluan fizikal dan mental warga emas, ahli keluarga dapat memberikan sokongan yang baik. Ini termasuk memahami penyakit yang biasa dihadapi oleh warga emas, cara pengurusan



PENDIDIKAN kekeluargaan mengenai penjagaan warga emas adalah amat penting.

ubat serta keperluan emosi mereka.

Pendidikan ini boleh diadakan melalui bengkel, seminar dan penyediaan sumber dalam talian yang memberi maklumat berguna tentang penjagaan warga emas. Selain itu, sokongan dalam bentuk latihan bagi penjaga juga tidak boleh diabaikan.

Kementerian bertanggungjawab boleh menyediakan program latihan khusus untuk penjaga, sama ada anggota keluarga atau penjaga profesional. Program ini perlu merangkumi kemahiran asas seperti pemindahan fizikal, penjagaan diri dan pengurusan krisis kesihatan.

Dengan pengetahuan yang tepat, penjaga dapat memberikan penjagaan yang lebih selamat dan efektif kepada warga emas,

sekali gus mengurangkan risiko kecederaan dan komplikasi kesihatan. Latihan ini juga boleh disertakan dengan modul mengenai pengendalian masalah psikologi yang sering dihadapi oleh warga emas, untuk membantu penjaga memahami dan mengatasi cabaran yang mungkin timbul.

Program pencegahan penyakit dan promosi kesihatan juga perlu diperluas untuk membantu warga emas menjalani kehidupan yang lebih sihat dan aktif. Kementerian bertanggungjawab boleh melaksanakan kempen kesihatan yang menyasarkan warga emas dengan memberikan maklumat mengenai gaya hidup sihat, termasuk pemakanan yang seimbang, aktiviti fizikal yang sesuai dan pengurusan stres.

Selain itu, program saringan kesihatan berkala juga penting untuk mengenal pasti masalah kesihatan awal dan mengelakkan penyakit yang lebih serius. Dengan meningkatkan akses kepada pemeriksaan kesihatan dan rawatan awal, warga emas dapat lebih menjaga kesihatan mereka dan mengurangkan beban penyakit yang mungkin mereka hadapi pada masa akan datang. Dengan merangkumi semua elemen ini dalam strategi penjagaan warga emas, kementerian berkenaan berpotensi untuk membangunkan sistem penjagaan yang lebih inklusif dan berkesan.

Pendekatan ini bukan sahaja akan meningkatkan kualiti hidup warga emas, tetapi juga akan memberikan sokongan yang diperlukan kepada keluarga dan penjaga mereka. Dalam jangka panjang, ini akan memastikan bahawa masyarakat Malaysia dapat menghadapi cabaran populasi yang menua dengan lebih baik, sambil memastikan setiap individu dapat menikmati kehidupan yang sihat dan bermakna.

Dalam menghadapi populasi yang menua menjelang 2030, Malaysia perlu mengambil pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai pihak. Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat adalah penting untuk membangunkan inisiatif yang berkesan.

Strategi jangka panjang perlu dibentuk dengan memberi fokus kepada pendidikan, peningkatan kemahiran dan penyediaan perkhidmatan sosial yang berkualiti. Di samping itu, program yang menggalakkan interaksi sosial dan penglibatan warga emas dalam masyarakat juga harus diperkenalkan.

Dengan usaha kolektif ini, Malaysia berpotensi untuk menjadi negara yang lebih inklusif dan berdaya tahan, memastikan bahawa setiap lapisan masyarakat, terutama mereka yang terpinggir, dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Air tidak mengalir!



Awas! Anda dipantau

SETELAH sekian lama bersabar dan bertolak ansur, mulai bulan ini (Disember), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak memotong bekalan air penyewa unit Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) yang culas membayar tunggakan sewa.

Kawan-kawan Kedai Kopi memahami kenapa DBKL perlu bertindak tegas. Tunggakan sewa para penyewa PPR dan PA milik DBKL di ibu kota sudah terlalu banyak. Sehingga kini jumlah tunggakan mencecah RM31.5 juta.

Ada kawasan yang tunggakan sewa mencecah sehingga ratusan ribu ringgit. Ada individu yang tunggakan sewanya mencecah ribuan atau belasan ribu ringgit. Setelah pelbagai peringatan dan amaran diberi untuk melunaskan tunggakan, penyewa tetap berdegil.

Kerana itu sudah sampai masa tindakan tegas diambil sebagai pengajaran. Rasailah sendiri nanti kesusahan apabila air tidak mengalir pada paip rumah. Jangan salahkan orang lain atau menuding jari kepada DBKL kerana peringatan dan peluang yang cukup sudah diberi.

Tunggakan berlaku apabila penyewa tidak ambil peduli untuk membayar dari peringkat awal. Penghuni bagai tinggal secara percuma. Lama-kelamaan sewa yang tidak dibayar menimbul.

Adalah sangat tidak wajar bagi penyewa enggan membayar sewa memandangkan sewa PPR dan PA adalah rendah dan dalam kemampuan. Ini sejajar dengan matlamat DBKL menyediakan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di ibu kota.

Pihak DBKL telah memberi banyak masa. Penghuni culas diberi nasihat dan ingatan, malah diberi peluang untuk membayar tunggakan secara ansuran. Tetapi ramai tetap berdegil. Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi anggap tindakan DBKL memotong air sangat wajar.

Para penyewa mesti bersyukur berpeluang menyewa PA atau PPR memandangkan masih ramai menunggu. Oleh itu, apabila diberi peluang, jadilah penyewa yang baik. Bayar sewa setiap bulan. Jika degil DBKL boleh mengarah mereka mengosongkan unit dan beri kepada yang menunggu.

BERHATI-HATI perlakuan anda di ibu kota! Anda dipantau dan dirakam. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memasang 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan strategik atau 'kawasan panas' di seluruh ibu negara demi keselamatan dan keselesaan warga kota.

Tahniah kepada DBKL kerana mengambil pendekatan ini. Kamera CCTV dipasang khususnya di kawasan strategik di bandar raya seperti kawasan trafik sesak, kawasan kerap berlaku jenayah, taman awam, destinasi popular seperti 'River of Life' dan pasar.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan kamera ini dilengkapi dengan teknologi canggih untuk mengesan perlakuan jenayah, pelanggaran peraturan lalu lintas, iklan haram, mengesan tanda-tanda banjir, vandalisme serta sebarang kegiatan mencurigakan.

Pemasangan CCTV ini sangat membantu pihak berkuasa bertindak cepat dalam kes kecemasan serta mewujudkan kawasan selamat di ibu kota. Sebarang kegiatan mencurigakan atau perlakuan

jenayah dapat dirakam, membolehkan pelaku dikesan dengan lebih mudah.

Begitu juga kes vandalisme yang kerap berlaku di kawasan taman awam mampu dikesan dan dikekang. Begitu juga dengan pemasangan iklan haram. Juga sebarang tanda yang menjurus ke arah banjir membolehkan pihak berkuasa mengambil langkah persediaan segera.

Kamera ini juga mengesan kawasan yang kerap berlaku kesesakan lalu lintas. Dengan itu, pihak DBKL dengan cepat dapat mengenal pasti kawasan berkenaan, seterusnya menyalurkan maklumat kepada polis trafik atau trafik warden DBKL untuk bertindak.

Kawan-kawan Kedai Kopi kagum kerana semua kamera ini yang dikawal oleh Pusat Kawalan Bandar Raya Kuala Lumpur mampu menangkap imej sehingga jarak 200 meter. Imej rakaman berkualiti tinggi dan mampu disimpan sehingga 45 hari.

Yang menarik, rakaman boleh dimanfaat oleh orang ramai. Mereka boleh menggunakan rakaman untuk tujuan melapor kejadian tertentu dengan memintanya melalui laman web Adu@KL.



Bil 292 . 13 - 19 DISEMBER 2024



Klik & Ketagih

SKIM BNPL BAWA PADAH?

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

TAHAP literasi kewangan dalam kalangan belia Malaysia agak membimbangkan di mana hanya 36 peratus (%) rakyat Malaysia yang memahami konsep kewangan asas seperti kadar faedah, inflasi dan kepelbagaiannya risiko berdasarkan tinjauan literasi kewangan oleh Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD).

Angka tersebut berada di bawah purata global sebanyak 42%, meletakkan Malaysia di kedudukan ke-26 daripada 39 negara yang disurvei manakala menurut tinjauan Literasi Kewangan Pelabur 2021 oleh Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM) menunjukkan jurang yang ketara dalam kesedaran perancangan persaraan di kalangan belia Malaysia.

Tinjauan tersebut mendapati bahawa 80% daripada bukan pelabur kurang pengetahuan tentang skim amanah saham (UTS) dan lebih daripada 90% tidak menyedari skim persaraan swasta (PRS) yang mana kekurangan kesedaran tentang pilihan simpanan persaraan ini menunjukkan bahawa ramai golongan muda mungkin tidak bersedia dengan secukupnya untuk keselamatan kewangan jangka panjang.

Menurut Ketua Jabatan Pembangunan Penyelidikan



MOHAMMAD
MAFRUKHIN

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK), **M o h a m m a d Mafrukhin Mokhtar**, perbelanjaan dalam talian yang kompulsif di kalangan belia Malaysia membuatkan ramai yang terperangkap dalam kitaran hutang.

“Sekarang dengan adanya Skim Buy Now, Pay Later (BNPL) membawa risiko besar terhadap tabiat membeli secara kompulsif dan kerentenan kewangan dalam kalangan pengguna muda di Malaysia, namun, ia boleh menjadi alat yang baik bagi individu yang mempunyai disiplin tinggi dalam pengurusan kewangan.

“BNPL membolehkan pengguna membuat pembelian tanpa pembayaran segera, mendorong impulsiviti di mana pengguna muda mungkin ter dorong membeli barang yang tidak diperlukan atau tidak mampu dimiliki. Ini boleh membawa kepada kitaran perbelanjaan berlebihan dan pengumpulan hutang yang tidak perlu.

“Selain itu, skim ini juga mencipta ilusi bahawa pengguna mampu mengurus kewangan dengan lebih baik daripada yang sebenarnya. Persepsi ini boleh membawa belia kepada perbelanjaan yang melampaui, dengan keyakinan bahawa mereka mampu melunaskan hutang dengan mudah kemudian,” katanya dalam sesi PaduPodcast yang bertajuk Klik dan Ketagih: Cabaran Belia Era Digital baru-baru ini.

Jelasnya tingkah laku perbelanjaan dalam talian yang kompulsif, juga dikenali sebagai ketagihan membeli-belah dalam talian atau pembelian kompulsif digital, dicirikan oleh keinginan yang tidak terkawal untuk berbelanja secara berlebihan dalam talian.

Mohammad Mafrukhin berkata kajian terbaru AKPK FEWRC tentang kesejahteraan kewangan menunjukkan bahawa 46.1% daripada responden muda diklasifikasikan sebagai Rentan atau bahkan Sangat Rentan iaitu hampir separuh.

“Lebih membimbangkan lagi, 5.7% mengakui mereka perlu

meminjam daripada pihak ketiga jika berlaku kecemasan manakala 28% menyatakan mereka tidak dapat menyediakan RM1,000 jika diperlukan.

“Dari segi simpanan pula, hampir 25% tidak mempunyai simpanan bermaksud jika mereka kehilangan pekerjaan, mereka tidak mempunyai penampungan kewangan untuk bergantung,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohammad Mafrukhin berkata seseorang yang tidak dapat mengawal perbelanjaan akan memberi kesan kewangan seperti berlakunya pengumpulan hutang, skor kredit lemah serta kekurangan simpanan dan dana kecemasan.

“Berbelanja berlebihan sering kali menyebabkan individu bergantung kepada pinjaman, mencetuskan kitaran hutang yang sukar diuruskan dan kegagalan membayar hutang tepat waktu boleh menyukarkan individu mendapatkan pinjaman di masa depan, bahkan jika berjaya, mereka terpaksa membayar kadar faedah yang lebih tinggi.

“Selain itu, ia turut memberi kesan terhadap psikologi di mana menurut kajian dalam kalangan Pekerja Dewasa Malaysia (MWA), 41% melaporkan tekanan kewangan menjadikan kesihatan mental mereka, manakala 65% mengalami penurunan produktiviti kerja. Ini menunjukkan betapa seriusnya kesan tekanan kewangan terhadap kehidupan harian dan pekerjaan,” katanya.

AMALAN FORMULA 4A

BAGI pemegang taruh yang mempunyai peranan di dalam pembangunan literasi kewangan belia, kerjasama strategik antara agensi adalah penting untuk menangani isu ini.

Mohammad Mafrukhin berkata antara langkah lain yang boleh dilakukan adalah kempen media sosial dan advokasi, pengajaran dan dorongan tingkah laku, bahan pendidikan kewangan yang relevan secara teknologi, pendidikan kewangan interaktif dan menyeronokkan serta pengesanan awal dan intervensi.

“Saya juga ingin berkongsi formula 4A sebagai amalan iaitu Akui mempunyai masalah hutang tidak terkawal, Analisis kedudukan kewangan kita, Ambil tindakan pembetulan dengan segera dan yang terakhir adalah AKPK sebagai sahabat kewangan anda.

“AKPK sentiasa terbuka untuk masyarakat mendapatkan khidmat nasihat pengurusan kewangan dan hutang, yang paling penting, ambil tindakan awal dan jangan bertangguh kerana sikap suka menangguh-nangguh akan membawa masalah yang lebih besar. Jangan berdiam diri atau lari daripada masalah tanpa mendapatkan penyelesaian yang sepatutnya,” ujarnya.



GOLONGAN MUDA KURANG KAWALAN KEWANGAN:

- 10.6% MEMPUNYAI TINGKAH LAKU PERBELANJAAN YANG LEMAH.
- 17% MENUNJUKKAN TABIAT PERBELANJAAN YANG RENDAH.
- 27.6% TIDAK MEMPERTIMBANGKAN BERAPA BANYAK YANG DIBELANJAKAN SEBELUM MELAKUKAN PEMBELIAN.

LEBIH DARIPADA 53,000 BELIA DI BAWAH UMUR 30 TAHUN MEMPUNYAI HUTANG HAMPIR RM1.9 BILION DENGAN PURATA SEKITAR RM36,000 SEORANG DI MANA PENDAPATAN BULANAN MEDIAN UNTUK KUMPULAN UMUR INI ADALAH RM2,062.

SEHINGGA TAHUN 2023 KIRA-KIRA

31,140 BELIA
BERUSIA 35 TAHUN DAN
KE BAWAH TELAH
DIISYIHARKAN MUFLIS
SEJAK TAHUN 2014.



Perangkap budaya YOLO & FOMO

CORAK perbelanjaan belia masa kini yang dipengaruhi oleh pemikiran You Only Live Once (YOLO) dan Fear of Missing Out (FOMO) sering menyebabkan perbelanjaan berlebihan, pengumpulan hutang serta ketidakstabilan kewangan dalam jangka masa panjang.

Pensyarah Kanan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Business School, **Dr Abdul Rahman Zahari** berkata faktor-faktor ini mewujudkan budaya yang mengutamakan kepuasan kini berbanding kestabilan kewangan seterusnya membawa kepada keputusan jangka pendek dan peningkatan perbelanjaan untuk barang tidak penting.

"Antara kesan buruk budaya YOLO dan FOMO ini adalah kecenderungan untuk berbelanja melebihi kemampuan di mana mereka sering terdorong untuk membuat keputusan kewangan yang impulsif (pembelian barang berjenama, percutian mewah, gajet terkini atau aktiviti hiburan yang luar biasa). Mereka mungkin berbelanja di luar kemampuan kerana ingin mempunyai pengalaman mewah semata-mata untuk mengikuti arus rakan sebaya atau trend terkini yang dipaparkan di media sosial tanpa mengambil kira beban kewangan yang bakal dihadapi."

"Selain itu, mereka juga cenderung untuk mengabaikan



ABDUL RAHMAN

perancangan kewangan dan sering kali membawa kepada keputusan yang tidak bijak. Dalam jangka masa panjang, pengguna yang terjebak dalam budaya YOLO dan FOMO mungkin mengalami kesukaran untuk bersara dengan selesa,

penyediaan simpanan kecemasan serta lebih terdedah kepada risiko kewangan kerana terlepas pandang tentang pentingnya simpanan dan pelaburan untuk kestabilan kewangan masa depan.

"Manakala dari kesan psikologi pula, budaya ini membuatkan individu rasa cemburu, rendah diri atau tidak mencukupi apabila tidak dapat menikmati atau memperoleh pengalaman yang sama seperti orang lain. Fenomena FOMO yang dipacu oleh media sosial boleh menyebabkan tekanan emosi yang berpanjangan apabila pengguna terdedah kepada kehidupan 'sempurna' yang sering dipaparkan oleh orang lain secara dalam talian.

"Apabila mereka merasakan hidup tidak seindah seperti yang dipamerkan oleh rakan-rakan atau selebriti, maka perasaan rendah diri dan kebimbangan boleh wujud dan dapat mengurangkan kepuasan hidup dan kesihatan mental seseorang," katanya.

Abdul Rahman berkata apa yang

paling dibimbangi ialah seseorang itu mungkin akan menerima rasuah atau menggunakan produk-produk tiruan bagi mendukung fenomena YOLO dan FOMO.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata kaedah tuntas perlu dilakukan untuk mengawal kecenderungan ini daripada terus berleluasa di kalangan masyarakat.

"Langkah pertama untuk mengatasi budaya YOLO dan FOMO ialah dengan menetapkan matlamat kewangan jangka pendek dan jangka panjang yang jelas. Dengan ini, para pengguna akan lebih cenderung untuk berfikir secara rasional sebelum membuat perbelanjaan yang besar dan mengurangkan risiko untuk berbelanja secara impulsif."

"Selain itu, penyusunan bajet yang teratur dapat membantu individu mengurus perbelanjaan mereka dengan lebih bijak. Amalkan disiplin kewangan dengan menetapkan peruntukan bagi keperluan asas, simpanan dan perbelanjaan hiburan, seseorang itu akan dapat mengimbangi keinginan untuk menikmati kehidupan sambil mengelakkan pembaziran yang tidak perlu."

"Seterusnya pengguna disarankan untuk mengurangkan masa atau membataskan pendedahan kepada media sosial yang hanya memaparkan gaya hidup mewah bagi membantu mengurangkan tekanan sosial dan keinginan untuk berbelanja bagi memenuhi harapan

atau standard sosial tertentu.

"Pengguna juga boleh memberi tumpuan kepada pengalaman yang bermakna dan mempunyai kesan positif kepada kehidupan mereka seperti belajar kemahiran baharu, menghadiri kelas atau berbakti kepada komuniti setempat yang dapat memberikan kepuasan berpanjangan berbanding keseronokan sementara hasil dari pembelian material," ujarnya.

Tambahnya sokongan daripada rakan-rakan atau keluarga untuk gaya hidup berhemah

jugalah dapat mengelakkan seseorang itu daripada terjerat dengan fenomena YOLO dan FOMO.

"Secara keseluruhan, budaya YOLO dan FOMO adalah fenomena moden yang memberi impak besar terhadap kehidupan kewangan dan emosi pengguna, walaupun konsep ini mungkin memberikan kepuasan jangka pendek, kesan negatifnya terhadap kewangan dan kesejahteraan mental perlu diambil kira," katanya.



INI ADALAH TANDA ANDA KETAGIH MEMBELI-BELAH DALAM TALIAN!



Ketagihan membeli-belah dalam talian adalah satu bentuk ketagihan internet dan orang yang mempunyai kebimbangan sosial amat terdedah untuk mengalami perkara ini kerana tidak memerlukan hubungan bersemuka.

Apakah tandanya?

- 1 Membeli-belah untuk meningkatkan emosi seperti meredakan stres, marah atau apabila anda kesepian.
 - 2 Bimbang apabila anda tidak membuka laman membeli-belah langganannya kerana mungkin terdapat banyak barang dalam bakul beli-belah anda yang masih belum diproses atau cemas kerana anda sedang menunggu 'sale'.
- 38.5%** Tergolong dalam kategori 'Pembeli Dalam Talian Kompleksif'.
- 31.1%** Bergelut mengawal dorongan dalaman menyebabkan pembelian kerap dan sering kali tidak perlu.
- 22.6%** Golongan muda menggunakan membeli-belah dalam talian sebagai cara untuk mengatasi tekanan.
- 19.5%** Terus berbelanja dalam talian walaupun menghadapi kekangan kewangan.



SAYA mula melakukan pembelian barang-an peribadi dan keperluan secara *online* sahaja.

"Situasi ini kemudian mula membimbangkan apabila merasakan diri seolah-olah mula ketagih dengan cara norma baru itu. Saya suka berbelanja, tapi sejak COVID-19, kebanyakan semua beli *online*. Masalahnya, sekarang ini setiap hari ada sahaja barang nak beli."

"Saya dah jadi ketagih membeli-belah secara *online* sebab seronok bila barang sampai depan rumah, macam orang bagi kita hadiah."

AINA
Suri rumah



PEMBELIAN secara *online* dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga.

"Sejak tahu platform e-dagang, saya memang berbelanja secara *online* kerana lebih murah dan dapat menjimatkan masa di mana saya boleh membeli di mana sahaja pada bila bila masa."

JUNAINAH HARUN
Penjawat Awam



SAYA tidak dapat menahan diri daripada membuat pembelian secara *online*. Tapi saya baru nak berhenti, buat masa ini dah berjaya dua hari. Dulu habis beratus setiap bulan. Penat cakap taubat setiap kali tak ada duit, ada duit buat balik.

"Hilang stres *shopping online* ni, tapi kalau kena tipu lagilah stres. Pengguna perlu lebih berwaspada kerana risikonya lebih tinggi jika melakukan pembelian *online*, manakala kepada peniaga tidak bertanggungjawab ini, sudah-sudahlah menipu pengguna."

DANIA HANANI
Pelajar



KELEBIHAN yang diperoleh ketika melakukan pembelian *online* adalah promosi yang menguntungkan pembeli.

"Pembelian *online* sangat menjimatkan kerana sering mengadakan promosi sehingga lebih 50 peratus pada tarikh-tarikh yang tertentu."

"Ini tidak termasuk baucar yang boleh kita gunakan di samping kos penghantaran yang murah berbanding kos pengangkutan untuk pergi sendiri membeli barang yang dikehendaki."

NOR SOFIYAH HANNAH
Pelajar



Abadi potret kehidupan jalanan

SHUAIB AYOB

FOTOGRAFI Jalanan Malaysia atau lebih dikenali sebagai FJM julung kalinya menganjurkan Pertandingan Fotografi Jalanan di Kuala Lumpur bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan jurugambar seluruh Malaysia.

Aktiviti yang mendapat tajaan utama oleh Sony Malaysia ini berjaya menghimpunkan seramai 130 orang jurugambar.

Pengalaman selama 10 tahun dalam bidang fotografi membawa kejayaan kepada Mohd Hafizol Ramli dari Kuala Lumpur yang muncul juara keseluruhan.

“Saya tak sangka boleh menang kerana peserta yang ada hebat yang terdiri daripada otai foto

jalanan. Alhamdulillah peryartaan kali pertama ini membawa rezeki kepada saya dan keluarga,” ujarnya.

Salah seorang peserta yang dikenali sebagai Rufiah berkata, dia mengambil inisiatif untuk terbang dari Sabah ke Kuala Lumpur semata-mata bagi mengikuti program tersebut.

“Hobi saya adalah mengambil foto jalanan di Sabah secara sambilan, datang ke sini untuk mencari ilmu fotografi jalanan bersama kawan-kawan dari pelbagai negeri. Saya harap pada masa akan datang FJM akan diadakan di Sabah pula,” ujarnya.

Lensa Wilayahku sempat merakam aksi para peserta FJM di Kuala Lumpur. 





BELUT EKSOTIK TUMPUAN WARGA PUTRAJAYA

DIANA AMIR
Foto: SHUAIB AYOB

BELUT merupakan salah satu hidangan eksotik yang mempunyai penggemarnya tersendiri. Jika di Putrajaya, Restoran A Raa Thai Tomyam merupakan satu-satunya lokasi yang menghidangkan aneka jenis belut untuk santapan warga setempat mahupun sekitarnya.

Menurut pemiliknya, **Mohd Shahrul Nyzam Mat Il**, idea untuk mengetengahkan hidangan belut tercetus memandangkan agak sukar baginya mencari restoran yang menawarkan menu tersebut.

"Saya berasal dari Kelantan dan kalau di sana hampir setiap kedai menawarkan menu belut dengan pelbagai jenis masakan namun senario tersebut tidak berlaku di sini khususnya Putrajaya dan kerana itu saya membuat keputusan untuk menjual menu tersebut di kedai saya," katanya.

Mohd Shahrul berkata inisiatifnya memperkenalkan menu tersebut dapat membuka mata orang ramai mengenai keenakannya.

"Antara masakan yang ditawarkan di sini adalah sup belut, belut goreng kunyit, belut paprik, maggi tomyam belut dan belut pad phet yang mana ia merupakan menu asal dari Thailand."

"Kesemua menu ini dimasak dan disediakan oleh cef kami yang diimport dari Thailand jadi pastinya ia merupakan masakan terbaik buat penggemar belut."

"Mereka adalah tukang masak yang pakar dalam hidangan belut, daripada cara siang belut, membersihkannya serta



SHahrul

memasaknya mempunyai teknik tersendiri yang akan membuatkan pelanggan merasa ia seolah-olah tidak ubah seperti ikan darat.

"Saya tahu, belut bukanlah makanan yang digemari ramai dan kerana itu, cara memasak serta campuran rempah-ratus yang digunakan untuk memasaknya perlu diberi perhatian supaya ia dapat membangkitkan selera," ujarnya menu yang berasaskan belut di kedainya tidaklah terlalu pedas.

Mengulas lanjut, Mohd Shahrul berkata masakan belut di kedainya juga adalah berbeza berbanding tempat lain lebih-lebih lagi mereka menyajikan belut segar yang diambil daripada pembekal.

"Pada mulanya agak sukar untuk mendapatkan pembekal namun setelah melalui beberapa proses, kita berjaya mendapat sebanyak lima kilogram (kg) belut pada setiap hari."

"Meskipun menu belut ini baru diperkenalkan sejak tiga bulan lalu namun maklum balas yang kita terima sangat positif. Agak mengejutkan, kita juga sudah pun mempunyai pelanggan tetap."

"Rata-rata pelanggan kami memberitahu, sudah lama mereka mencari kedai yang menawarkan menu belut dan restoran ini menjadi tempat bagi mereka menghilangkan rasa mengidam."

"Seperti kita semua ketahui belut juga mempunyai pelbagai manfaat dan baik untuk kesihatan. Jadi agak merugikan kalau anda tidak mencuba," ujarnya memberitahu Restoran A Raa Thai Tomyam baru sahaja disenaraikan sebagai Top Sale 2024 Food Panda.



Jalan P9 B/1, Presint 9,
62250 Putrajaya



11 sehingga 2 pagi

PELANGGAN MEMAHAMI

BERKONGSI cabaran terbesarnya sepanjang menjalankan perniagaan adalah ketika tempoh pandemik yang melanda negara dua tahun lalu.

"Ketika pandemik, saya percaya semua perniagaan menerima tempias dan saya juga tidak terkecuali namun berpegang pada prinsip, saya sanggup melakukan apa sahaja asalkan tidak menutup perniagaan ini."


"Tidak dinafikan dengan kenaikan harga barang kini turut memberi kesan namun saya bersyukur kebanyakan pelanggan sangat memahami dan tidak kisah dengan kenaikan harga menu di sini," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd Shahrul turut mengharapkan agar perniagaannya terus berkembang maju sekali gus dapat menarik lebih ramai pelanggan.

"Buat masa ini kita tidak merancang untuk membuka mana-mana cawangan baharu dan sekiranya ada rezeki untuk berbuat demikian saya mahukan kedai di lot hujung kerana kawasannya yang strategik serta mempunyai keluasan parkir yang lebih besar."

"Untuk mereka yang berminat merasai masakan belut, boleh dapatkan di kedai kami atau dalam talian melalui ShoppeFood, foodpanda dan GrabFood," katanya. 

BELUT MEMPUNYAI PROFIL NUTRIEN YANG MENARIK



SUMBER: HELOMEDIK



SARFARIZMAL MD SAAD

STILAH 'MADANI' terus popular dan menjadi riu dalam kalangan masyarakat kita. Sejak Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10, gagasan Malaysia MADANI telah menukar nama beliau daripada seorang pemimpin pembangkang kepada seorang ketua kerajaan yang rajin bekerja dan berani membuat perubahan drastik.



SETIAUSAHA AGUNG PERTUBUHAN AKTIVIS BELIA TANAH AIR

itu adalah rantaian penambahbaikan dari kerajaan terdahulu, namun Kerajaan MADANI ini juga tidak kurang banyaknya memperkenalkan perkara-perkara baharu atas nama kesejahteraan rakyat.

SABAH DAN SARAWAK

DALAM banyak-banyak kejayaan dan usaha Kerajaan MADANI ini, kita harus menonjolkan bagaimana Sabah dan Sarawak diberi perhatian yang cukup besar dan selayaknya. Menjengah tahun kedua Malaysia MADANI, Sabah dan Sarawak telah menerima peruntukan pembangunan tertinggi berbanding negeri-negeri lain dalam Belanjawan 2025.

Sabah menerima peruntukan RM6.7 bilion bagi tujuan pembangunan, meningkat 0.45 peratus berbanding yang diterima negeri itu pada tahun 2024. Sarawak pula menerima peruntukan RM5.9 bilion bagi tujuan yang sama.

Acap kali Perdana Menteri sebut bahawa Kerajaan MADANI sedang dan akan terus mengambil langkah progresif bagi merapatkan jurang pembangunan yang telah wujud sekian lama antara Pulau Borneo dengan Semenanjung Malaysia.

Seperkara lagi mengenai keprihatinan Anwar terhadap Sabah dan Sarawak ini adalah berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang rata-rata mengetahui bahawa ia sedang bergerak cukup pantas dan positif. Jika tidak penting, masakan Anwar meletakkan seorang anak jati Sarawak iaitu Datuk Seri Fadillah Yusof, selaku Timbalan Perdana Menteri untuk menguruskan rundingan berkaitan MA63.

Hasilnya, 11 daripada 21 tuntutan di bawah MA63 berjaya diselesaikan sehingga kini. Tambah menarik, tujuh daripada tuntutan yang diselesaikan itu dimuktamadkan dalam tempoh hanya kurang dua tahun di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KEPRIHATINAN Anwar bagi melihat masyarakat sentiasa mendapat kemudahan terbaik jelas dapat dilihat melalui sejumlah wang yang diperuntukkan untuk belanja pembangunan melalui Belanjawan 2025 yang diumumkan pada Oktober lalu.

Untuk tahun kedua pemerintahan Kerajaan MADANI ini, pengagihan tertinggi wang rakyat untuk belanja pembangunan adalah kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu sebanyak RM9,327 juta. Sepantas lalu, ini gambaran bahawa Perdana Menteri tidak mahu kemudahan infrastruktur asas untuk masyarakat di negara ini berada pada tahap yang teruk.



ANWAR bersama wakil penerima Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) ketika Program Dua Tahun Kerajaan MADANI di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

KERAJAAN MADANI DI USIA DUA TAHUN

Kementerian Kewangan dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) masing-masing memperoleh peruntukan kedua dan ketiga tertinggi bagi belanja pembangunan iaitu sebanyak RM7,623 juta dan RM7,494 juta.

Anwar tidak memberi fokus untuk membina mercu tanda atau program yang bersifat suka ria. Sebaliknya, beliau memberi tumpuan khusus terhadap pembangunan luar bandar melalui timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dengan tumpuan KKDW terarah kepada pembinaan dan baik pulih jalan-jalan kampung, membina dan baik pulih jambatan di kampung, pemasangan dan selenggara lampu jalan kampung dan kemudahan bekalan air bersih dan elektrik di kawasan-kawasan pendalam Sabah dan Sarawak.

Lebih RM2 bilion difokuskan untuk kerja-kerja penyediaan kemudahan asas itu di kampung seluruh negara, sebagai suatu tanda bahawa Kerajaan MADANI menjelang tahun kedua ini makin serius untuk sebuah jihad kesejahteraan rakyat.

Itu tidak termasuk lagi dengan usaha KKDW untuk membina rumah mampu milik yang dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) yang telah wujud sejak tahun 1989.

Zahid sebagai seorang yang cukup berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan ternyata telah membuat pelbagai 'sentuhan ajaib' melalui 1,001 agenda di bawah KKDW.

KEHIDUPAN DI KOTA

SELAIN luar bandar, kita wajar akui dan sedari bahawa kehidupan masyarakat di kawasan kota atau bandar besar mempunyai cabarannya yang berbeza. Klise, kerajaan akan melihat kehidupan masyarakat di kota sudah tersedia baik dan memerlukan bantuan yang agak minima. Namun sebaliknya, kehidupan masyarakat di kota

raya sebenarnya harus diberi perhatian berbeza dan serius.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan MADANI tahun kedua tidak tunggu lagi untuk membawa pelbagai agenda yang mampu menyentuh jiwa warga kota kita.

Bermula dengan Pangkalan Data Utama (PADU). Ia berperanan untuk memastikan masyarakat kota menerima manfaat berbentuk bantuan atau perlindungan (sekiranya layak) daripada pelbagai inisiatif kerajaan berfokuskan rakyat. Seterusnya Program Pembangunan Usahawan Muda Kota di 169 lokasi strategik di Kuala Lumpur dan Putrajaya benar-benar memberi ruang kepada masyarakat untuk mencari sesuap nasi. Melalui program ini, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menyediakan ruang perniagaan (kios) untuk 1,122 usahawan anak muda dengan syarat yang minima.

Program MYMedic @ Wilayah antara salah satu perkara yang popular di Wilayah Persekutuan. Ia merupakan klinik bergerak yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan rawatan asas secara percuma terus kepada masyarakat di kawasan perumahan kos rendah.

Masyarakat ibu kota juga ada Program MYJob @ Wilayah yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan bagi masyarakat di perumahan kos rendah sekitar Kuala Lumpur yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik COVID-19 lalu. Program MYFood @ Wilayah juga tidak kurang menarik. Melalui program ini, kerajaan memberi barang asas seperti makanan tin, gula, minyak, beras di 335 kawasan kos rendah dan sederhana rendah.

RMK-13

KINI, Kerajaan MADANI tahun kedua terus menerima cabaran baharu dengan pelbagai kaedah baharu. Harus diakui, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) akan

menjadi dokumen penting kerajaan ini dalam merangka hala tuju ekonomi negara bagi lima tahun akan datang.

Seperti yang pernah disebutkan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, RMK-13 akan menjadi dokumen penting untuk kerajaan merangka hala tuju ekonomi negara hingga tahun 2040.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, usia dua tahun tidak harus dijadikan alasan bagi penciptaan sebuah dokumen strategik yang komprehensif kepada masyarakat. Justeru, tepatlah saranan sesetengah pihak agar RMK-13 dirangka melibatkan semua pihak daripada perusahaan kecil dan sederhana (PMKS) sehingga kepada masyarakat menua.

Sejurnya, kita bukan sahaja menjurus kepada Belanjawan 2025 yang telah mencipta sejarah sebagai belanjawan terbesar Malaysia. Sebaliknya kita muh melihat akan setiap usaha dan keringat pihak kerajaan di kala baru sahaja berumur dua tahun namun terpaksa membawa suatu agenda besar kepada kehidupan masyarakat yang kian lebih mencabar dari tahun ke tahun.

Setakat yang ada saat ini, ramai yang memberi keyakinan baik terhadap kepimpinan Anwar Ibrahim dalam memacu Kerajaan MADANI untuk merealisasikan impianinya membentuk sebuah masyarakat MADANI yang tidak sekadar bertunjang kepada kemampuan ekonomi dan pembangunan fizikal, tapi turut terangkum 'karamah insaniah' – pemerintahan yang manusiawi dan memenuhi pelbagai tuntutan keadilan.

Semoga peristiwa penggal sebelum ini (tiga kerajaan dalam satu penggal) tidak lagi berulang dalam sejarah politik tanah air yang tercinta.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

HASIL CUCUK TANAM DIKONGSI

KHAIRUL IDIN

LABUAN yang terletak bersebelahan dengan Tanah Besar Sabah sememangnya merupakan sebuah pulau yang kaya dengan pelbagai khasanah alam.

Bagi memanfaatkan kelebihan itu, pelbagai inisiatif dirangka pihak kerajaan antaranya melalui Program Kebun Komuniti untuk membina masyarakat aktif dalam bidang pertanian sekali gus bagi mendapatkan bekalan makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

Menyahut seruan itu, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kampung Kilan mengusahakan sebidang tanah berkeluasan tiga ekar milik Perbadanan Labuan (PL) untuk menjalankan bidang pertanian secara kecil-kecilan.

Di bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menerusi Program KRT Progresif pada tahun 2016, kini Kampung Kilan berjaya mencapai pelbagai anugerah antaranya Johan Anugerah Aspirasi Desa Madani kategori Kampung Tradisional



ANJAM

2024, Pemenang tempat kelima bagi Projek Ekonomi Rukun Tetangga Terbaik 2023 peringkat kebangsaan dan bakal mewakili Wilayah Persekutuan ke Peringkat Kebangsaan tahun hadapan.

Menurut Pengurus KRT Kampung Kilan, **Anjam Ucho**, aktiviti Kebun Komuniti membuka peluang kepada masyarakat berbilang kaum untuk bercucuk

tanam menggunakan tanah kerajaan yang terbiar dan hasilnya dikongsi bersama.

Ujarnya, Kebun Komuniti juga mampu menjamin kualiti makanan yang sihat dan selamat kerana tanaman tersebut bebas daripada semburan racun serangga selain menggunakan baja organik.

“Saya harap ia menjadi contoh terbaik kepada komuniti setempat untuk memanfaatkan hobi berkebun bagi menjamin kehidupan yang lebih sihat selain mengekalkan kelestarian alam sekitar.

“Mula-mula dahulu, kita hanya mempunyai kurang daripada 10 batas konkrit sahaja, namun apabila jumlah peserta di kampung ini semakin bertambah, batas konkrit mencecah 20 di mana setiap peserta diberikan dua batas untuk diusahakan dengan pelbagai tanaman,” katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya, selain mengusahakan Kebun Komuniti pihaknya turut menjalankan pelbagai tanaman lain seperti projek tanaman limau

kasturi dan cendawan sebagai hasil utama dan telah berjaya dipasarkan sekitar pulau itu.

“Kita menzahirkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan yang sentiasa memberikan pelbagai bantuan khususnya JPNIN dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP),” ujarnya.

Menurut Anjam, meskipun pihaknya kini telah berjaya menghasilkan pelbagai tanaman



SEBAHAGIAN peserta yang mengusahakan rumah cendawan di Kebun Komuniti Kampung Kilan, Labuan.

namun cabaran tetap kunjung tiba di mana para peserta dibelenggu dengan masalah bekalan air yang tidak mencukupi ketika musim kemarau.

“Dalam apa sahaja yang kita buat, sudah tentu terdapat cabaran, namun para peserta berhadapan hal tersebut dengan positif, namun mereka turut memohon bantuan beberapa buah tangki air untuk bersiap sedia,” ujarnya merangkap Setiausaha Jawatankuasa

Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kilan.

Salah seorang peserta, Amnah Omar, 63, menyifatkan Kebun Komuniti amat membantu dia dan keluarga untuk berjimat cermat dalam perbelanjaan harian.

“Saya mula mengikuti Kebun Komuniti ini pada 2021. Di sini saya menanam lebih empat jenis sayur-sayuran seperti timun, kangkung dan sawi. Memandangkan saya seorang suri rumah, ia bukan sahaja

menambah pendapatan bahkan mengisi masa lapang,” ujarnya.

Sementara itu, Sabtu Mohammad, 63, berkata inisiatif itu memberi lebih ruang kepadanya untuk bercucuk tanam yang menjadi aktiviti kegemarannya selepas bersara sejak tiga tahun lalu.

“Bukan sahaja kami dapat makan sayur-sayuran segar malah turut mengeratkan hubungan antara penduduk di sini,” ujarnya. 

Ternakan ikan guna sistem bioflok

INISIATIF Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Piandang, Siputeh mengubah lot tanah terbiar kepada projek ternakan ikan tilapia merah menggunakan sistem bioflok sejak September lalu dijangka mampu meraih pendapatan mencecah lima angka.

Pengerusi JPKK Kampung Piandang, **Umar Ali Sellaman Kuti** berkata proses pembangunan Projek Pusat Akuakultur Bioflok Siputeh di kawasan seluas 0.8 hektar itu bermula Jun lepas dengan peruntukan RM100,000 di bawah Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi MADANI).

“Dana berkenaan kita terima sekitar penghujung Mei lalu. Sebulan kemudian kita telah mula proses pembinaan pusat ternakan ikan ini yang dilengkapi dengan beberapa kemudahan asas seperti pejabat, tandas, kolam kanvas serta mesin oksigen.

“Sejak awal September lepas kita telah mula masukkan benih ikan tilapia merah dan baung secara



UMAR memberi makanan ikan di kolam kanvas.

berperingkat ke dalam kolam-kolam ini dengan anggaran saiz sekitar tiga inci seekor,” katanya.

Bapa kepada seorang cahaya mata itu berkata buat masa ini 16,000 ekor ikan tilapia diternak dalam lapan kolam berkeluasan lima meter padu dengan saiz purata sekitar tujuh inci setiap ekor.

Umar Ali berkata setiap daripada kolam berkenaan dijangka mampu menghasilkan kira-kira 4,000 kilogram (kg) ikan tilapia merah dengan nilai pasaran mencecah RM40,000 sekali pengeluaran.

“Ikan tilapia ini akan mengambil masa kira-kira empat bulan untuk mencapai tempoh matang. Kita

jangka pada awal Januari tahun depan boleh dijual dengan berat sekitar 400 gram seekor.

“Buat masa ini, beberapa pihak (pembeli) dari Perak, Kuala Lumpur dan Johor sedang berurusan dengan kita untuk tujuan pembelian ikan ini selepas mencapai tempoh matang,” katanya.

Mengulas kelebihan sistem bioflok, beliau berkata kaedah tersebut menggunakan bantuan bakteria khusus dan berperanan menguraikan sisa makanan dan buangan (najis ikan) menjadi flok atau gumpalan yang boleh dimakan semula oleh ikan sekali gus menjimatkan kos khususnya dalam penyediaan makanan serta penggunaan air bagi keperluan projek tersebut.

“Kalau ikut kaedah konvensional, kita perlu beri makan pelet paling kurang dua atau tiga kali sehari. Ini sudah tentu perlu menggunakan kos ribuan ringgit setiap bulan untuk pembelian pelet.

“Berbanding sistem bioflok, kita gunakan cecair (bakteria) khusus ke dalam kolam bagi memproses

sisa buangan (najis) ikan ini menjadi makanan semula. Jadi, dari situ kos untuk pembelian makanan itu dapat dijimatkan dan digunakan kepada keperluan lain,” katanya.

Umar Ali berkata sistem ini secara asasnya mudah diuruskan dan kurang ancaman daripada binatang liar seperti memerang, bangau, ular dan sebagainya.

Beliau berkata hasil pendapatan yang dijana melalui projek berkenaan akan disalurkan kepada tabung komuniti bagi tujuan membantu golongan kurang berkemampuan.

Ditanya perancangan masa depan projek yang diusahakan, beliau berkata pihaknya berhasrat mengusahakan pemberian ikan tilapia merah dalam skala besar menggunakan kaedah sama.

“Ini antara perancangan masa depan yang saya lihat ada potensi untuk dikembangkan dan mampu mengaut keuntungan yang lumayan. Jika berjaya, ia juga boleh membuka ruang kepada orang kampung dari sudut peluang pekerjaan,” katanya. - BERNAMA



**W
SEMINGGU**

SENJATA HALUS DUNIA MODEN

DR ELINDA ESA

DALAM era moden yang penuh dengan kemajuan teknologi dan ledakan media sosial ini, fenomena pembunuhan karakter telah menjadi satu senjata halus yang sangat berbahaya sering kali digunakan untuk menjatuhkan seseorang. Istilah ini merujuk kepada tindakan merosakkan reputasi individu atau kumpulan melalui penyebaran

maklumat palsu, fitnah atau manipulasi fakta yang bertujuan untuk mencalar imej mereka di mata masyarakat. Meskipun istilah ini kedengaran dramatik, kesannya sangat nyata dan boleh mengakibatkan implikasi sosial yang mendalam, termasuk keretakan hubungan, tekanan psikologi dan kerosakan imej yang sukar dipulihkan.

Pembunuhan karakter merujuk kepada tindakan menyerang kredibiliti dan integriti seseorang dengan tujuan untuk mengurangkan atau memusnahkan kepercayaan orang ramai terhadap individu tersebut. Ini dilakukan melalui penyebaran maklumat yang negatif, tidak tepat atau palsu yang bertujuan untuk memburukkan imej seseorang di mata umum. Tindakan ini tidak semestinya dilakukan terbuka tetapi ia juga boleh berlaku secara halus melalui gosip, sindiran dan penyebaran maklumat secara tidak rasmi dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks dunia moden, maklumat ini boleh tersebar dalam sekilip mata melalui media sosial, kesan daripada tindakan pembunuhan karakter ini menjadi lebih berbahaya. Individu yang menjadi mangsa kepada taktik ini mungkin kehilangan reputasi yang dibina selama bertahun-tahun hanya dalam masa yang singkat. Oleh itu pembunuhan karakter sering dilihat sebagai senjata yang lebih merosakkan berbanding serangan fizikal kerana ia menyerang maruah dan imej seseorang, sesuatu yang sukar untuk dipulihkan sepenuhnya.

Terdapat beberapa cara yang sering digunakan dalam melakukan tindakan pembunuhan karakter ini. Antaranya adalah dengan penyebaran fitnah iaitu memberikan maklumat yang tidak benar mengenai individu tertentu. Maklumat ini sering disampaikan dalam bentuk gosip atau khabar angin yang disebarluaskan melalui media sosial, blog atau forum dalam talian. Dalam kebanyakan kes, fitnah ini disampaikan dengan nada yang seolah-olah sangat benar, menyebabkan orang ramai mudah terpedaya dan percaya.

Selain itu manipulasi fakta sering digunakan untuk menjatuhkan karakter seseorang. Fakta yang separuh benar atau dipetik di luar konteks boleh diubah untuk mencipta gambaran yang negatif. Misalnya, kata-kata seseorang boleh diambil di luar konteks untuk menimbulkan persepsi yang salah tentang sikap atau pandangan individu tersebut. Dengan kemudahan teknologi yang ada, seperti suntingan video dan gambar, manipulasi ini semakin mudah dilakukan. Taktik lain yang sering digunakan adalah sindiran atau komen negatif yang secara berterusan menjatuhkan kredibiliti seseorang. Taktik ini lebih halus, tetapi apabila dilakukan secara berterusan, ia boleh merosakkan imej individu tersebut di mata masyarakat.

Seiring dengan itu penyebaran maklumat yang tidak sahih atau palsu melalui akaun



PENSYARAH KANAN
UNITEN BUSINESS
SCHOOL, UNIVERSITI
TENAGA NASIONAL
(UNITEN)

Pembunuhan karakter merujuk

kepada tindakan menyerang kredibiliti dan integriti seseorang dengan tujuan untuk mengurangkan atau memusnahkan kepercayaan orang ramai terhadap individu tersebut. Ini dilakukan melalui penyebaran maklumat yang negatif, tidak tepat atau palsu yang bertujuan untuk memburukkan imej seseorang di mata umum. Tindakan ini tidak semestinya dilakukan terbuka tetapi ia juga boleh berlaku secara halus melalui gosip, sindiran dan penyebaran maklumat secara tidak rasmi dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks dunia moden, maklumat ini boleh tersebar dalam sekilip mata melalui media sosial, kesan daripada tindakan pembunuhan karakter ini menjadi lebih berbahaya. Individu yang menjadi mangsa kepada taktik ini mungkin kehilangan reputasi yang dibina selama bertahun-tahun hanya dalam masa yang singkat. Oleh itu pembunuhan karakter sering dilihat sebagai senjata yang lebih merosakkan berbanding serangan fizikal kerana ia menyerang maruah dan imej seseorang, sesuatu yang sukar untuk dipulihkan sepenuhnya.

Terdapat beberapa cara yang sering digunakan dalam melakukan tindakan pembunuhan karakter ini. Antaranya adalah dengan penyebaran fitnah iaitu memberikan maklumat yang tidak benar mengenai individu tertentu. Maklumat ini sering disampaikan dalam bentuk gosip atau khabar angin yang disebarluaskan melalui media sosial, blog atau forum dalam talian. Dalam kebanyakan kes, fitnah ini disampaikan dengan nada yang seolah-olah sangat benar, menyebabkan orang ramai mudah terpedaya dan percaya.

Selain itu manipulasi fakta sering digunakan untuk menjatuhkan karakter seseorang. Fakta yang separuh benar atau dipetik di luar konteks boleh diubah untuk mencipta gambaran yang negatif. Misalnya, kata-kata seseorang boleh diambil di luar konteks untuk menimbulkan persepsi yang salah tentang sikap atau pandangan individu tersebut. Dengan kemudahan teknologi yang ada, seperti suntingan video dan gambar, manipulasi ini semakin mudah dilakukan. Taktik lain yang sering digunakan adalah sindiran atau komen negatif yang secara berterusan menjatuhkan kredibiliti seseorang. Taktik ini lebih halus, tetapi apabila dilakukan secara berterusan, ia boleh merosakkan imej individu tersebut di mata masyarakat.

Seiring dengan itu penyebaran maklumat yang tidak sahih atau palsu melalui akaun



TINDAKAN merosakkan reputasi individu atau kumpulan melalui penyebaran maklumat palsu mencalar imej mereka di mata masyarakat. - Gambar hiasan

palsu juga menjadi satu cara yang sangat popular untuk menjalankan aktiviti pembunuhan karakter ini tanpa menanggung risiko dikenali sebagai penyebarinya.

Kesan daripada pembunuhan karakter ini bukan sahaja dirasai oleh individu yang menjadi mangsa, tetapi juga oleh masyarakat secara keseluruhannya. Apabila reputasi seseorang diserang, ia boleh mengakibatkan tekanan psikologi yang serius kepada mangsa. Mereka mungkin mengalami kemurungan, kegelisahan dan kehilangan keyakinan diri kerana pandangan negatif yang terbentuk dalam masyarakat terhadap mereka.

Lebih teruk lagi kes-kes yang melibatkan pembunuhan karakter ini juga boleh menyebabkan seseorang kehilangan pekerjaan, terpinggir daripada masyarakat dan mengalami kemerosotan dalam kehidupan sosial mereka. Dari perspektif masyarakat, budaya 'pembunuhan karakter' boleh menghakis kepercayaan dan nilai murni dalam sesebuah komuniti. Apabila orang ramai mudah terpengaruh dengan khabar angin dan fitnah, masyarakat cenderung untuk membentuk prasangka yang tidak berasas terhadap individu tertentu.

Ini akan mewujudkan suasana yang tidak sihat, di mana masyarakat lebih cenderung untuk menilai seseorang berdasarkan apa yang mereka dengar daripada apa yang mereka tahu secara peribadi.

Selain itu budaya ini boleh menghalang perbincangan yang sihat dalam sesebuah organisasi atau komuniti. Orang ramai mungkin takut untuk bersuara atau memberikan pandangan yang berbeza kerana bimbang akan menjadi sasaran maklumat sebelum mempercayai atau menyebarkannya.

Kebebasan bersuara dan keterbukaan dalam menyatakan pendapat menjadi terhalang, dan ini boleh merugikan perkembangan intelektual dalam masyarakat.

PENYEBARAN SERANGAN KARAKTER

MEDIA sosial telah menjadi platform utama di mana serangan terhadap reputasi seseorang sering berlaku. Dengan sifatnya yang sangat terbuka dan pantas, maklumat palsu boleh tersebar luas dalam masa yang singkat. Platform seperti Facebook, X, Instagram dan WhatsApp sering menjadi medan pertempuran di mana tuduhan, sindiran dan fitnah disebarluaskan. Dengan adanya akaun-akaun tanpa nama, individu yang melakukan pembunuhan karakter dapat berlindung di sebalik tirai anonimiti, menjadikan mereka lebih berani dalam melakukan serangan terhadap orang lain.

Namun media sosial juga boleh menjadi platform untuk memulihkan imej seseorang. Mangsa serangan karakter boleh menggunakan media sosial untuk memberikan penjelasan dan membersihkan nama mereka dengan berkongsi fakta dan bukti yang sahih. Dalam hal ini media sosial mempunyai peranan yang berbeza sama ada menjadi alat untuk merosakkan atau memperbaiki reputasi bergantung kepada cara ia digunakan.

Untuk mengurangkan kesan buruk daripada serangan karakter, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh individu dan masyarakat. Pertama, kesedaran mengenai pentingnya pengesahan maklumat sebelum mempercayai atau menyebarkannya adalah langkah

utama dalam menangani budaya fitnah. Masyarakat perlu dididik untuk lebih berwaspada terhadap berita palsu dan tidak mudah terpengaruh dengan khabar angin. Kedua, undang-undang mengenai penyebaran maklumat palsu dan fitnah perlu dikuatkuasakan dengan tegas.

Di Malaysia, Akta Fitnah 1957 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh digunakan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam penyebaran fitnah secara dalam talian.

Ini boleh menjadi satu bentuk pencegahan yang berkesan terhadap perbuatan pembunuhan karakter. Selain itu individu juga perlu membina ketahanan diri dan tidak mudah terpengaruh dengan serangan tersebut. Menjaga rekod yang baik, berkomunikasi secara profesional dan menjaga hubungan dengan orang ramai adalah langkah penting untuk memelihara reputasi diri.

Pembunuhan karakter dan reputasi adalah fenomena yang semakin membimbangkan dalam dunia moden, terutamanya dengan kemudahan media sosial yang ada pada hari ini. Ia bukan sahaja boleh memusnahkan kehidupan individu tetapi juga boleh merosakkan keharmonian dalam masyarakat. Oleh itu, kesedaran, tindakan undang-undang dan keprihatinan masyarakat amat penting dalam menangani isu ini. Hanya dengan kerjasama semua pihak, kita dapat mewujudkan masyarakat yang lebih adil, di mana maruah dan reputasi setiap individu dihormati.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



PERCUMA!
dengan baucar
DELIMA

PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

RM1 juta naik taraf produk pelancongan



ZALIHA (kanan) ketika meninjau projek tanaman cendawan baru-baru ini.

PEMBANGUNAN Labuan khususnya dalam ekonomi dan pelancongan sentiasa menjadi fokus utama kerajaan dengan peruntukan RM1 juta bagi menaik taraf produk-produk pelancongan sedia ada di Labuan.

Menurut Timbalan Pengurus Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek**, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM1.66 bilion bagi pelaksanaan 90 program dan projek pembangunan di bawah Rolling Plan 5 Tahun 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Baru-baru ini Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa telah memaklumkan peruntukan kepada Labuan itu melibatkan pelbagai kementerian dan agensi, 22 program dan projek baharu manakala 68 merupakan program dan projek sambungan.

"Selain itu, pada lawatan kerja Dr Zaliha baru-baru ini juga turut mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan RM1 juta bagi memacu industri pelancongan sedia ada di Labuan.

"Kita ucapan terima kasih kerana sentiasa berusaha untuk memastikan pembangunan di Labuan terus diperkasa sekali gus menjamin kesejahteraan rakyat," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut mengenai perancangan pengajuran Borneo Floral Festival yang bakal diadakan pada Julai tahun depan, Simsudin menzhirkir sokongan penuh dengan cadangan yang dibawa oleh Zaliha itu bagi merancakkan lagi sektor pelancongan di pulau tersebut.

Katanya, Labuan kini telah berjaya menganjurkan beberapa festival berprestij seperti

Borneo Art Festival (BAF) dan sebagainya yang mampu menarik kedatangan pengunjung luar serta merancakkan semula ekonomi khususnya kepada pengusaha hotel, restoran dan peniaga-peniaga kecil.

"Dengan pengajuran festival pada tahun hadapan, kita amat yakin ia membawa impak positif kepada ekonomi Labuan. Pihak PL sentiasa memberikan kerjasama yang baik dan mahu melihat pembangunan khususnya dalam ekonomi dan pelancongan berkembang sepertimana yang telah dirancangkan," katanya.

Terdahulu, pada lawatan kerja ke Labuan baru-baru ini, Zaliha memaklumkan pengajuran Borneo Floral Festival dijangka mampu menarik kunjungan lebih 50,000 pelancong luar ke Labuan, selain penambahbaikan tarikan pelancongan sedia ada.

Kenaikan gaji penjawat awam

PERGIAT PANTAU HARGA BARANG

KHAIRUL IDIN

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) akan terus memantau dan mempergiatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan di pulau ini bagi memastikan tiada kenaikan harga barang susulan penyelarasan gaji sektor awam pada Disember ini.

Menurut Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, penguatkuasaan perlu dipergiatkan agar tiada peniaga sewenang-wenangnya menaikkan harga barang susulan penyelarasan gaji penjawat awam.

Katanya, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk melaksanakan pemantauan terhadap harga barang di pulau itu.

Langkah sedemikian adalah bertujuan bagi memastikan kestabilan harga barang susulan kebergantungan bekalan barang terhadap barang import serta dapat membantu golongan berpendapatan rendah (B40) di Labuan.

"Ini sedang dalam perancangan dan terdapat juga usaha yang sama telah kita laksanakan. Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti tempatan seperti barang keperluan harian dan bekalan mentah, pada masa yang sama tidak hanya bergantung kepada bekalan makanan dari luar.

"Kita juga akan memberikan tumpuan kepada program-program komuniti untuk membantu komuniti di sini menghasilkan bekalan mentah seperti sayur-sayuran dan dapat dipasarkan di sekitar Labuan dengan kadar harga yang lebih rendah



HARGA barang akan terus dipantau susulan penyelarasan gaji penjawat awam.

berdaya mampu bagi mengatas dan mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan rantai makanan sekali gus dapat mewujudkan peluang ekonomi kepada komuniti di Labuan.

berbanding bekalan daripada luar," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDN Labuan, Junaidah Arbain memaklumkan pihaknya sentiasa memberikan kerjasama erat dengan pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan pemantauan kawalan harga barang di pulau ini dilaksanakan secara konsisten agar tiada berlakunya kenaikan harga barang khususnya barang harian dan keperluan.

Katanya, sejurus pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai penyelarasan gaji, KPDN telah melaksanakan tindakan awal bagi merekodkan data harga barang untuk memudahkan KPDN mengesan berlakunya perubahan harga.



SUKURUN (tengah) ketika mempromosikan kempen pembaharuan lesen.

Perbaharui lesen premis 2025

PERBADANAN Labuan (PL) menyeru para peniaga untuk memperbaharui lesen premis perniagaan bagi tahun 2025 sehingga hujung Disember ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PL, **Mohd Sukurun Taib**, seruan itu bertujuan untuk mengelakkan peniaga dikenakan sebarang tindakan.

Katanya, ia bertujuan untuk memastikan dan mengelakkan berlaku kesesakan di Kaunter Setempat Wisma PL pada saat akhir.

"Kita menyeru kepada peniaga yang belum memperbaharui lesen premis perniagaan untuk mengambil tindakan segera sebelum hujung bulan ini untuk mengelakkan kesulitan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan walkabout promosi pembaharuan lesen premis perniagaan di sekitar bandar Labuan.

Hadir sama Pengarah Jabatan

Perlesenan PL, Helmi Bali.

Jelas Sukurun, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau peniaga yang gagal memperbaharui lesen premis perniagaan selepas tempoh tersebut.

"Kepada peniaga yang gagal berbuat demikian, PL akan mengambil tindakan dengan menganak kompaun," katanya.

Sukurun berkata, kepada peniaga yang ingin memperbaharui lesen premis perniagaan hanya perlu membawa salinan lesen premis perniagaan tahun semasa tanpa mengisi sebarang borang.

"Walau bagaimanapun, mereka (peniaga) harus menjelaskan terdahulu kompaun, cukai, kadar sewa premis bagi premis PL sebelum melakukan pembaharuan lesen premis perniagaan," katanya.

Selaras inisiatif Kerajaan MADANI

RM2.5 JUTA BINA PUSAT PENJAJA

SABRINA SABRE

SEBANYAK RM2.5 juta diperuntukkan oleh kerajaan bagi membangunkan empat Pusat Penjaja Putrajaya yang melibatkan empat lokasi iaitu setiap satu di Presint 9, 15, 17 dan 18.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk Fadlun Mak Ujud**, projek ini telah dilaksanakan bermula Ogos 2023 yang mana ia melibatkan dua komponen iaitu pembangunan empat tempat teduhan dan pembinaan 18 buah kios berkonsepkan *food trailer* lengkap dengan kemudahan memasak.

"Alhamdulillah, pelaksanaan projek ini berjaya disiapkan sepenuhnya pada Mei 2024 iaitu dalam tempoh kurang dari setahun dan telah memulakan operasi sejak Ogos lalu."

"Dengan pengoperasian kesemua 18 kios di Pusat Penjaja secara dua sesi setiap hari memberi peluang kepada lebih ramai penjaja untuk menjana pendapatan dengan kadar sewaan rendah sekitar RM200 sebulan."

"Secara tidak langsung ianya juga memberi kemudahan dan pilihan kepada warga dan pengunjung Putrajaya untuk mendapatkan jenis makanan yang berbeza mengikut sesi apatah lagi kedudukan kesemua Pusat Penjaja ini yang bersebelahan dengan jalan utama memudah dan menjimatkan masa pembeli untuk singgah membeli secara *grab n go*," katanya semasa Majlis Perasmian Pusat



FADLUN (kanan) ketika merasmikan Pusat Penjaja Putrajaya.

Penjaja Putrajaya dan Penyerahan Sijil Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Beliau berkata pembangunan Pusat Penjaja Putrajaya ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan MADANI dan hasrat Perdana Menteri sendiri yang amat menitikberatkan golongan penjaja agar dijaga serta disediakan tempat perniagaan yang teratur dan selesa.

"PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melaksanakan penambahbaikan bagi memindahkan peniaga di

bawah Inisiatif Peniaga Kecil Sementara (PKS) dan Inisiatif Usahawan Muda Kota (UMK) yang tidak seragam dan kurang teratur kepada tapak kekal yang lebih sistematik.

"Inisiatif PKS dan UMK dilaksanakan bermula tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP) bagi menggalakkan golongan berpendapatan rendah (B40) dan belia memulakan perniagaan kecil mereka di mana PPj memberi kelonggaran untuk menjaya di

baru-bahru jalan.

"Saya ingin mengingatkan kepada kesemua penjaja untuk memanfaatkan peluang dan kemudahan yang diberikan serta meningkatkan kualiti cara kerja dengan beroperasi mengikut waktu, bukan membuka dan menutup kios sesuatu hati," ujarnya.

Fadlun berkata PPj akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan kepada kontrak sewaan sekiranya terdapat penjaja yang tidak mematuhi kontrak dan peraturan terpakai termasuk tidak

mempunyai lesen perniagaan dan tidak membuka operasi sebagaimana sepatutnya.

"Saya juga ingin menyarankan para penjaja untuk lebih kreatif dan proaktif termasuk memberikan perkhidmatan dan kualiti jualan yang terbaik serta meningkatkan ilmu yang boleh diperolehi dengan mudah dan percuma di hujung jari.

"Bagi memberi peluang kepada lebih ramai penjaja khususnya dalam kalangan warga Putrajaya, PPj dengan sokongan JWP, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membangunkan Pusat Penjaja Putrajaya Fasa 2 di beberapa lokasi baru iaitu di Presint 5, 8 dan 11 di bawah Program Lestari Niaga.

"PPj dengan sokongan JWP juga dalam proses dan dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf pusat-pusat penjaja, medan-medan selera serta kios-kios lain sedia ada yang telah lama dibangunkan untuk menjadikannya lebih kondisif.

"Di samping itu, beberapa lot niaga dan kemudahan kios serta tempat makan baharu dijangka beroperasi awal tahun 2025 iaitu Medan Selera Serambi 8 di Bazar@8, Presint 8, Laman Selera di Presint 6 dan kios baharu di hadapan Kementerian Kewangan Presint 2 dan lot niaga berdasarkan kopi dan pastri di Jambatan Putra, Presint 1," ujar beliau.

Terima tajaan SKSPS

SERAMAI 230 penjaja Putrajaya terpilih menerima tajaan caruman daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Caruman penuh SKSPS berjumlah RM232.80 setahun di mana 90 peratus daripada jumlah caruman tahunan tersebut ditanggung oleh kerajaan menerusi Geran Padanan Caruman manakala baki 10 peratus lagi ditanja oleh JWP dan PPj melalui inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) di bawah komponen Lindung@PUJI.

Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud** memberitahu secara keseluruhannya inisiatif ini memanfaatkan kepada lebih 2,000 penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Ini selaras dengan pengumuman Perdana Menteri untuk membantu orang yang bekerja sendiri agar memperoleh perlindungan sosial yang mencakupi rawatan perubatan, rehabilitasi, latihan vokasional dan faedah tunai untuk



SEBAHAGIAN penjaja yang terpilih menerima tajaan caruman SKSPS PERKESO.

orang tanggungan dalam kes kecederaan.

"Bagi memastikan perlindungan sosial ini diteruskan oleh penjaja, ada kemungkinan untuk kita teliti bagi menjadikan caruman ini sebagai salah satu syarat wajib memohon dan memperbaharui lesen perniagaan pada masa akan datang.

"Saya yakin apa sahaja usaha, dasar serta penyelesaian yang

dirancang oleh kerajaan untuk manfaat rakyat perlu dilaksanakan melalui penglibatan bersama oleh semua pihak melalui pendekatan *whole-of-nation* seperti kerjasama strategik di antara JWP, PPj dan PERKESO.

"Kita perlu pecahkan ruyung dengan memecahkan sifat *territorial* dan silo antara semua pihak agar impak kepada usaha-usaha tersebut berjaya," ujarnya.

Kemas kini maklumat anda

MULAI tahun 2025, bil cukai taksiran akan dihantar secara atas talian kepada pemilik harta di Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya. Tiada lagi urusan pengeposan cukai taksiran akan dijalankan.

Sehubungan itu, semua pemilik harta di WP Putrajaya dimohon untuk mengemas kini maklumat peribadi dan e-mel bagi tujuan penghantaran bil cukai taksiran secara atas talian.

Sila imbas kod QR seperti di poster untuk kemas kini data peribadi dan e-mel.

**KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI DAN E-MEL
UNTUK MENERIMA BIL CUKAI TAKSIRAN
SECARA ATAS TALIAN**

Bil cukai taksiran tidak lagi dipos kepada pemilik harta di Wilayah Persekutuan Putrajaya mulai tahun 2025.

Sila kemas kini maklumat :

- e-mel dan
- nombor telefon bimbit

dengan mengimbas kod QR.

UNTUK KETERANGAN LAINNYA
GILIR HUBUNG / E-MEL KEPADA :

03-8887 7164
TOKER@MPPJ.PWJ.MY

Piala Belia Kebangsaan 2025

KENAL PASTI SKUAD PELAPIS

SABRINA SABRE

PERSATUAN Sepaktakraw Malaysia (PSM) bakal menganjurkan Piala Belia Kebangsaan 2025 dalam usaha merancakkan pembangunan sepak takraw negara di peringkat akar umbi.

Presiden PSM, **Datuk Mohd Sumali Reduan** berkata, penganjuran kategori seperti bawah 20 tahun antara usaha berterusan pihaknya mengenai pasti bakat pemain untuk membarisi skuad pelapis negara pada masa hadapan.

"Usaha terbabit juga susulan sambutan hangat sukan berkenaan di seluruh negara termasuk ramai yang bermain di kawasan kampung-kampung padang permainan dan flat perumahan sekali gus menyemarakkan kembali permainan tradisi terbabit.

"Elemen berkenaan mendorong PSM untuk menganjurkan kejohanan akar umbi lelaki selain dalam masa sama merancang saingan bagi kategori wanita.

"Maklum balas positif yang diterima PSM dalam kategori regu wanita buat pertama kali dalam Kejohanan Sepaktakraw Piala Tun

Ali yang berakhir pada Ahad amat memberangsangkan.

"Justeru, perancangan untuk menganjurkan pertandingan bagi kategori wanita sama ada dalam acara regu atau kuadran antara usaha positif selepas melihat sambutan luar biasa peminat dan pemain di Piala Tun Ali," ujarnya.

Beliau berkata, Piala Tun Ali juga pentas PSM mengorak langkah untuk mencari bakat pemain wanita bagi diketengahkan di peringkat antarabangsa, dalam masa sama mengadakan kejohanan dalam kategori berkenaan pada tahun hadapan.

Jelasnya, sudah lama tiada kejohanan wanita yang dianjurkan justeru di Melaka terbabit membolehkan pemain bersaing dengan kompetitif sesama sendiri serta barisan import yang beraksi bersama pasukan bertanding.

Sementara itu, pihaknya sudah menyenaraikan 14 nama pemain sepak takraw kebangsaan dan akan melengkapannya menerusi pemilihan pemain berdasarkan prestasi sebaik berakhirnya Piala Tun Ali.

Sumali berkata pihaknya akan

menghantar senarai penuh nama pemain kebangsaan dalam Projek MSN (Majlis Sukan Negara) akhir bulan ini, sebagai persediaan awal bagi menghadapi kejohanan utama dalam kalender tahun depan.

"Dalam mesyuarat bersama Ketua Pengarah MSN baru-baru ini PSM sudah menghantar 14 nama yang dikenal pasti menerusi posisi masing-masing, dengan hanya berbaki empat pemain sahaja lagi."

"Bagaimanapun, PSM memohon tambahan sehingga tujuh pemain dengan sekurang-kurangnya 21 pemain dalam projek terbabit," ujarnya.

Justeru, barisan kejurulatihan yang diketuai Ahmad Jais Baharun akan meneliti daripada pelbagai aspek seperti konsisten prestasi pemain, keupayaan posisi masing-masing dalam acara regu atau double untuk melengkapkan senarai terbabit.

Sumali berkata, skuad Projek MSN terbabit bagi menghadapi kejohanan utama tahun depan seperti Piala Asia yang dijadualkan pada Mei, Piala Raja Thai (Julai atau Ogos) dan Sukan SEA 2025 Thailand pada Disember. 



PEMBANGUNAN ini penting berikutnya sukan sepak takraw semakin mendapat perhatian masyarakat.

Perubahan kepimpinan perlu kesinambungan

KESINAMBUNGAN dan keberkesanannya adalah penting dalam kepimpinan baharu Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) susulan keputusan Tan Sri Hamidin Mohd Amin untuk tidak mempertahankan jawatan Presiden badan induk itu.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, meskipun perubahan adalah sesuatu yang biasa dalam dunia sukan, ia perlu dilakukan secara terancang supaya tidak menjelaskan perancangan sedia ada.

"Saya lihat perubahan dalam sukan memang satu perkara yang biasa, cuma perlu ada kesinambungan yang mana bermaksud pimpinan lama keluar, pimpinan baharu mesti ada kelestarian.

"Jadi, saya tak nak apa-apa perancangan terganggu," katanya selepas merasmikan Kejohanan Bola Sepak Remaja Antarabangsa Datuk Chu Ah Nge di Annex Sukan Bukit Kiara Kelab Diraja Selangor.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keputusan Hamidin dan penstrukturhan baharu pasukan kebangsaan serta skuad muda negara yang dijangka diumumkan dalam masa terdekat.

Hannah juga berharap FAM



FAM perlu mengekalkan prestasi yang baik bagi mencapai sasaran peningkatan mutu bola sepak negara.

terus komited dalam melakukan perubahan positif dan mengekalkan prestasi yang baik bagi mencapai sasaran peningkatan mutu bola sepak negara.

"Ini kerana sokongan kerajaan yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah untuk melihat Harimau Malaya mempunyai prestasi yang semakin meningkat.

"Jadi, perubahan itu okey cuma kena pastikan ia akan mendatangkan hasil yang bagus," ujarnya.

Dalam masa sama, Hannah berkata Hamidin belum bertemu dengannya seperti yang dirancang namun menghormati keputusan itu kerana percaya beliau mempunyai alasan tersendiri untuk tidak bertanding semula. 

BAM hantar pasukan 'agak kuat'

PERSATUAN Badminton Malaysia (BAM) dijangka mengambil pendekatan berbeza bagi menghadapi Sukan SEA 2025 di Thailand tahun depan dengan menghantar pasukan yang disifatkan Setiausaha Agung BAM, **Datuk Kenny Goh** sebagai 'agak kuat'.

"Kita akan mendefinisikan 'agak kuat' itu kemudian. Sebelum ini (hantar pemain muda) namun saya rasa jawapan kepada soalan itu agak mudah sebab tahun depan tidak banyak kejohanan besar."

"Yang ada hanya Sukan SEA dan sasaran utama kita ialah Piala Sudirman dan Kejohanan Dunia di Paris. Dalam mesyuarat tadi kami bincang perancangan tahun depan sehingga Sukan Olimpik 2028," katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil pada Khamis.

Malaysia pada Sukan SEA di Kemboja sebelum ini menurunkan pemain muda bagi memberi peluang kepada mereka untuk

menampilkan aksi cemerlang.

Kenny berkata meskipun belum menetapkan senarai pemain atau membincangkan secara terperinci sasaran pingat pada temasya dwitahunan itu, pihaknya sudah mempunyai kriteria khusus dalam proses pemilihan pemain.

Beliau bagaimanapun memaklumkan pemenang pingat emas Sukan SEA seperti beregu lelaki utama negara Aaron Chia dan Soh Wooi Yik tidak akan disenaraikan.

Selain itu, Kenny berkata BAM tidak hanya membincangkan

aspek psikologi tetapi juga peranan Institut Sukan Negara dalam memberikan sokongan dari sudut sains sukan pada mesyuarat baru-baru ini.

Kali terakhir Malaysia memenangi pingat emas adalah pada Sukan SEA 2021 di Hanoi, Vietnam manakala pada edisi 2023 di Phnom Penh, kem negara hanya berjaya membawa pulang dua pingat perak serta empat gangsa. 



KENNY

ARTIS JUGA MANUSIA BIASA

DEEL ANJER

KEHIDUPAN dunia artis sering dianggap indah, dilimpahi kemewahan dan kemasyhuran. Namun tanggapan itu tidak semuanya benar kerana artis juga manusia biasa.

Mereka turut tidak ketinggalan diduga sama seperti manusia biasa lainnya. Tidak terlepas daripada mengalami masalah kewangan, tetapi apabila ada golongan artis yang hidup susah malarat, maka mereka dituduh tidak tahu menyimpan.

Bila mana artis melalui episod kegagalan rumah tangga pula, golongan itu dituduh tidak tahu menjaga pasangan. Ada yang mempersoalkan

bagaimana pasangan yang sama cantik, sama padan boleh bercerai? Namun ramai terlupa, jodoh, ajal maut dan rezeki semuanya ketentuan Allah.

Sementara itu, apabila ada yang tersalah langkah. Mereka dihentam dengan melampau sehingga ramai lupa artis juga manusia biasa yang tidak terlepas dari melakukan kesilapan.

Selebriti minggu ini menyelami perasan tiga artis tanah air iaitu Nadia Brian, Delimawati dan Shah Radhi. Ketiga-tiga mereka mempunyai pengalaman berkaitan rumah tangga, kewangan dan kekhilafan. Ikuti luahan mereka bersama Wilayahku. 

“Henti aibkan artis” - Nadia Brian

ISU perceraian terutama dalam kalangan artis menjadi topik perbualan hangat sepanjang 2024.

Apa yang tidak enak didengar apabila terdapat segelintir netizen yang menganggap kononnya kisah perceraian artis boleh mempengaruhi masyarakat dalam mencari jalan mudah berhubung krisis rumah tangga.

Menurut pelakon **Nadia Brian** yang pernah melalui episod perceraian, dia berharap masyarakat memahami yang artis juga sama seperti orang lain.

“Artis juga manusia, mereka ada hak untuk memilih yang terbaik untuk diri, keluarga dan pasangan mereka.

“Orang biasa juga bercerai. Sepatutnya kita mendoakan yang baik-baik untuk golongan artis sehingga mereka bertemu pasangan sesuai.

“Tolong berhenti daripada mengibarkan artis kononnya bercerai sebab itu ini. Jangan sampai ia jadi fitnah kerana kita tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku,” kata Nadia.

Ujarnya lagi, kehidupan rumah tangga artis juga sama seperti orang lain. Tidak ada rumah tangga yang bahagia sepanjang masa, dugaan dan cabaran adalah adat dalam kehidupan.

Nadia juga meminta netizen supaya berhenti daripada membuat andaian hanya kerana mengikut trend apabila ramai yang memperkatakan tentang isu itu.

“Tidak perlu diaibkan antara satu sama lain. Jangan kita buat sesuatu sebab orang lain pun berbual tentangnya. Ini kerana, budaya membuka aib ini adalah budaya yang tidak sihat.

“Justeru, nasihat saya kepada masyarakat, jangan terikut-ikut benda yang tidak baik.

“Lebih baik kita doakan yang baik-baik agar kebaikan itu juga berbalik kepada kita,” katanya lagi. 



“Hidup ada naik turun”
- Delimawati

BAGI pelakon veteran **Delimawati Ismail**, 66, penggiat seni sering dilihat sebagai kelompok yang menikmati kehidupan serba mewah dengan status mereka sebagai selebriti. Padahal mereka juga tidak terlepas daripada berdepan cabaran.

Dedah pelakon filem Hantu Kak Limah itu, artis juga turut terkesan dengan masalah kewangan, kesihatan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi bagi individu yang sudah berusia atau bergelar veteran.

“Bila jadi artis orang labelkan sebagai orang kaya, orang senang... hakikatnya tidak. Biasalah hidup ini ada naik turunnya,” katanya.

Delimawati bagaimanapun bersyukur biarpun dalam usia begini, masih banyak lagi tawaran berlakon diterimanya. Namun, dia berharap rakan-rakan seangkatannya turut diberi peluang mencari rezeki dalam bidang lakonan.

“Kadang-kadang sedih juga melihat nasib pelakon-pelakon lama. Tak banyak tawaran yang mereka dapat kerana sekarang pengarah dan produser lebih suka mengambil pelakon pertengahan usia dan menyolek mereka menjadi tua.

“Jadi secara tak langsung makin kuranglah tawaran untuk pelakon veteran. Apabila kurang tawaran berlakon, bermakna kuranglah mata pencarian.

“Sekarang ini mereka bukan pandang bakat sebaliknya nak kejar rating. Habis pelakon veteran macam kami nak bawa watak apa pula? Takkan setakat jadi nenek dan hantu saja? Saya harap produser dan pengarah bagi kami peluang untuk sama-sama mencari rezeki.

“Dalam usia sebegini saya patutnya duduk rumah. Tapi dah terbiasa berlakon, rasa tak seronok pula kalau duduk rumah tanpa buat apa-apa kerja. Sekurang-kurangnya kalau pergi berlakon, dapat juga berjumpa dengan rakan-rakan seperjuangan,” ujarnya. 



Artis bukan malaikat - Shah Radhi

PELAKON Baharu Lelaki Popular, Anugerah Bintang Popular (ABPBH) 36, **Shah Radhi**, tidak bersetuju apabila masyarakat terlalu mudah menjatuhkan hukum kepada selebriti yang bermasalah ataupun terpalit dengan kontroversi.

Shah berkata tiada artis yang mahu melakukan kesilapan atau mahu dihukum dan dipangkah sehingga menjelaskan periu nasi mereka.

“Tidak ada seorang pun dalam dunia hendak buat silap, tetapi kadang-kadang perkara itu terjadi. Artis bukan malaikat, pasti

ada salah dan silapnya.

“Saya sebenarnya menolak perkara seperti ‘banned’ ini, apabila seseorang artis itu bersih, semua hendak sanjung dia. Tapi, sekali dia buat silap, terus dia dikutuk dan diboikot.

“Jangan lupa, artis pun manusia biasa yang tak terlepas dari kesilapan. Menegur atau nasihat itu tak salah, tapi ada caranya. Bukan dengan menghentam dan caci maki. Islam tidak ajar kita berbuat demikian, sebaliknya galakkan kasih sayang sesama kita,” ujarnya.

Shah Radhi juga akui bukan mudah untuk memuaskan hati semua pihak.

“Artis bukan robot, kami juga mempunyai perasaan sama seperti orang lain. Ingat kami suka dimaki dan dicaci? Meskipun ia asam garam dunia selebriti, perbuatan tersebut tidak boleh dinormalisasikan.

“Ada masanya kami juga ada membuat kesilapan tetapi perkara itulah yang membuatkan kami lebih matang. Kami belajar daripada kesilapan dan kami juga kuat kerana peminat yang tidak putus-putus memberikan semangat,” kata Shah Radhi. 



Kenal pasti
skuad pelapis
►►22

"Henti aibkan
artis" - Nadia Brian
►►23



Jauhi sangkaan buruk

ISLAM LARANG INTIP AIB ORANG

AZLAN ZAMBRY

DALAM hidup bermasyarakat mahupun berorganisasi, umat Islam tidak dapat lari daripada berdepan dengan perbezaan pendapat dalam pelbagai perkara termasuklah isu melibatkan agama, persatuan mahupun di dalam pekerjaan.

Menurut Timbalan Pengarah Akademi Turath, **Muhammad Norazam Bahador**, keharmonian hidup bermasyarakat akan terpelihara apabila umat Islam khususnya sentiasa mengutamakan sikap bersangka baik dalam kehidupan.



NORAZAM

"Banyak pihak yang akhirnya menyesal apabila telah tersalah bertindak atau tersalah kata terhadap pihak yang tidak bersalah akibat dari terpengaruh dengan sangkaan buruknya," ujar beliau kepada Wilayahku.

Jelas Muhammad Norazam umat Islam wajar menekuni panduan yang diajar Rasulullah SAW melalui hadis, "Sesiapa yang menutup aib seseorang Muslim, Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat" - (Sahih Muslim).

"Hadis ini menunjukkan tindakan menutup aib sangat penting dalam pergaulan seharian dengan orang lain.

Baginda menunjukkan kepada kita asas utama dalam kehidupan bermasyarakat apabila kita melihat kekurangan dan keburukan orang lain ialah kita menutupnya, bukan membukanya.

"Kita menegur dan menasihati, bukan menyebarkannya. Kita membetulkan kesalahan, bukan menjaja dan mengaibkan. Kita sebagai manusia yang lemah pasti turut punya keaiban dan kekurangan, sebab itulah Baginda mengingatkan bahawa Allah akan membala dengan memelihara keaiban kita, sekiranya kita menjaga dan memelihara keaiban orang lain," katanya.

Muhammad Norazam berkata



ASAS utama dalam kehidupan adalah apabila melihat kekurangan dan keburukan orang lain ialah kita menutupnya, bukan membukanya.

banyak sudut pengajaran yang umat Islam boleh ambil dari sikap Baginda terhadap Saidina Ma'iz bin Malik yang mengakui melakukan maksiat lalu reda dengan hukuman terhadap dirinya.

"Antara sudut yang amat penting adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahih beliau pada Kitaabul Hudud bahawa ketika itu para sahabat terbahagi kepada dua pihak. Satu pihak menyebut bahawa Ma'iz telah binasa

dan celaka kerana melakukan dosa yang besar, manakala satu pihak lagi mengatakan bahawa tiada taubat seafdal taubat Ma'iz.

"Perkara itu sampai kepada Baginda lalu meminta semua sahabat untuk mendoakan keampunan buat Saidina Ma'iz dan Baginda Rasulullah SAW menyebut ujian buat Ma'iz dengan berkata "Dia telah bertaubat dengan taubat yang sekiranya dibahagikan buat seluruh umat akan memenuhi dan

mencukupi buat mereka".

"Di sini, pengajaran buat kita adalah sentiasa memandang baik buat mereka yang memperbaiki diri setelah melakukan kesilapan, memberikan semangat dan dorongan bukannya menghina dan berterusan memburukkan mereka," katanya.

Beliau berkata setiap umat Islam wajar mengaplikasi prinsip menutup keaiban dan salah silap orang lain khususnya dalam konteks moden seperti media sosial adalah dengan cara tidak beremosi dalam budaya tular.

"Biasakan teguran mengikut saluran dan menasihati secara tertutup dan sekiranya masih tidak berkesan, kita panjangkan teguran itu kepada pihak berkuasa.

"Budaya menularkan sesuatu perkara ini terlambat banyak kesan negatif terutama dari sudut membudayakan menghukum seseorang tanpa mendapatkan gambaran lengkap tentang situasi dan pembelaan oleh pihak yang ditularkan," katanya.

Tambahnya perbuatan tersebut adalah satu bentuk kezaliman dan adapun dalam persekitaran tempat kerja, semua pihak perlu mengambil sikap yang sama.

"Kita akan utamakan melakukan aduan kesalahan mengikut saluran yang sah, tidak membawa-bawa cerita buruk orang lain kepada pihak yang tidak berkaitan.

"Insya-Allah budaya ini akan lebih membawa kesejahteraan buat jiwa kita dan keharmonian di tempat kerja," katanya.

SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR